# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# CAWANGAN KELANTAN

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK OMAR B. MD HASHIM (OMARA)
PENGIAT SENI BORIA PULAU PINANG

OLEH:


| | |
|---|---|
| MUHAMMAD AZRI HAFIZUDDIN B ABD AZIZ | 2012107505 |
| SARAH MASMERAH BINTI HANAFIAH | 2012146017 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK OMAR B. MD HASHIM (OMARA)
PENGIAT SENI BORIA PULAU PINANG

OLEH:

| | |
|---|---|
| MUHAMMAD AZRI HAFIZUDDIN B ABD AZIZ | 2012107505 |
| SARAH MASMERAH BINTI HANAFIAH | 2012146017 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Segala puji dipanjatkan ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya Projek Sejarah Lisan ini berjaya dihasilkan dengan sempurna.walaupun berbagai rintangan dan dugaan yang terpaksa kami lalui sepanjang menyiapkan projek ini, namun kami bersyukur ke hadrat Illahi kerana berjaya menyiapkan projek ini dengan jaya.

Tidak lupa juga, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada insan yang tidak henti-henti dalam memberikan tunjuk ajar kepada kami iaitu, Puan Kamariah Binti Chik yang mengajar kami subjek Pendokumentasian Lisan. Sesungguhnya, beliau seorang yang amat cekal dan tabah dalam menghadapi segenap karenah dan kelakuan kami yang sering kali memohon tunjuk ajar daripadanya. Beliau juga tidak lekang dek ilmu dalam memberikan tunjuk ajar. Beliau telah memberikan komen dan nasihat yang amat berguna kepada kami dalam menghasilkan tugasan yang lengkap dan memenuhi kriteria yang diperlukan.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tokoh yang sudi meluangkan sedikit masa untuk ditemubual oleh kami iaitu Encik Omar Bin Md Hashim atau lebih dikenali sebagai Omara. Setiap pertanyaan yang diajukan kepadanya dijawab dengan penuh yakin dan disertakan dengan gelak tawa membuatkan kami turut serta ketawa. Beliau amatlahperamah dan tidak lokek dengan penceritaannya sejak beliau memasuki bidang boria sehinggalah sekarang.

Akhir kata, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada insan yang tidak putus-putus memberikan kami dorongan dan nasihat iaitu ibu bapa kami serta tidak lupa juga rakan seperjuangan yang telah banyak memberi tunjuk ajar, teguran dan dorongan sepanjang proses dalam menghasilkan projek pendokumentasian lisan ini. Tidak lupa juga, terima kasih diucapkan kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam projek ini.

Sekian terima kasih

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN


| TAJUK | MUKA SURAT |
| --- | --- |
| Penghargaan | i |
| Isi Kandungan | ii |
| Abstrak | iii |
| Biodata Tokoh | iv |
| Pengenalan | v |
| Transkrip | |
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh | 01-09 |
| Bahagian 2: Kerjaya | 10-27 |
| Bahagian 3: Pengalaman | 28-54 |
| Bahagian 4: Pencapaian | 55-73 |
| Rujukan | 74 |
| Lampiran | |
| Log Wawancara | 75-80 |
| Senarai soalan | 81-85 |
| Surat Perjanjian | 86 |
| Gambar | 87-89 |
| Sijil penghargaan | 89 |
| Indeks | 89-95 |

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** *transkrip ini mengadungi temubualbersama Encik Omar Bin Md Hashim megenai kerjaya beliau dalam bidang seni boria. Proses temubual telah dijalankan dengan jayanya di Medan Selera, Pasaraya Big AEON pada 14 April 2014 bermula pada jam 10 pagi. Beliau merupakan salah seorang tokoh boria yang kembali meningkat naik semula selepas tidak menceburi bidang ini selama tiga tahun akibat masalah peribadi. Kemudian beliau kembali semula sehingga berjaya menubuhkan pasukan boria sendiri yang digelar Boria Omara. Beliau telah menceburi bidang seni boria ini sejak berumur 10 tahun transkrip yang dijalankan ini menyentuh beberapa aspek seperti latar belakang keluarga, pengalaman kerjaya, bidang pendidikan dan pencapaian. Tembubual ini menumpukan tentang pengalaman beliau sejak menceburi bidang seni boria ini. Selain itu, beliau juga telah memberikan komen mengenai seni boria yang sedang mendapat tempat dalam kalangan masayarakat khususnya para pelajar di institusi pelajaran tinggi.*

**Kata kunci:** *Encik Omar Bin Md Hashim, Omara, seni boria, pelakon, rangkap karangan, penari, Pulau Pinang.*

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH



**MAKLUMAT DIRI**

**Nama** : Omar Bin Md Hashim (dikenali sebagai Omara)
**Umur** : 60 tahun
**Tarikh lahir** : 8 April 1954
**Tempat lahir** : Bukit Mertajam, Seberang Prai
**Status** : Berkahwin
**Nama isteri** : Azizah Binti Osman
**Bil. anak** : 4 orang (2 lelaki, 2 perempuan)
**Jawatan** : Pengurus Omara Production
**Bidang** : Seni boria, penulis blog, skrip, buku, lirik, rangkap karangan boria, puisi.
**Email** : omara91.oh@gmail.com atau omara353535@hotmail.com
**No. Tel** : +601342####

**TAHAP PENDIDIKAN**

SPM Sijil Pelajaran Tinggi

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Boria adalah sejenis teater yang amat popular di negeri utara Malaysia, terutama Pulau Pinang. Secara umumnya asal permainan boria dikaitkan dengan peristiwa Karbala di Parsi.

Persembahan boria mempunyai dua segmen iaitu sketsa dan nyanyian. Nyanyian boria diketuai oleh seorang tukang karang (biasanya akan memegang tongkat penunjuk ketika menyanyi). Rangkap karangan boria yang hujung sukukatanya sama setiap rangkap kisahnya berkaitan dengan sketsa yang dipersembahkan.

Sailor yang terdiri lebih dari enam orang di belakang tukang karang akan menyanyi dengan mengulangi rangkap pertama nyanyian tukang karang tadi. Alat-alat muzik boria telah berubah mengikut peredaran masa. Namun begitu penggunaan alat-alat muzik seperti violin, marwas, gendang panjang, akordian, harmonika merupakan alat muzik pada zaman dahulu. Telnologi sekarang membolehkan penggunaan alat muzik boria menggunakan minues one atau alat rakaman sedia ada.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang latar belakang tokoh, kerjaya, pengalaman kerjaya dan pencapaian Encik Omar Bin Md Hashim dalam bidang seni boria. Rakaman dihasilkan melalui rakaman telefon bimbit milik Sarah Masmerah di Medan Selera, Pasaraya Big AEON. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

OMH: En. Omar B Md Hashim
MAH: Muhammad Azri Hafizuddin b Abd Aziz
SMH: Sarah Masmerah Binti Hanafiah

**BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

**MAH : Assalamualaikum, kami dari UiTM Machang, Kelantan saya bersama-sama sahabat saya Sarah Masmerah Bt Hanafiah dan saya Muhammad Azri Hafizuddin ingin menemubual pakcik Omara untuk subjek (Oral Documentation and History) history. Kami akan bertanyakan pakcik mengenai soalan latar belakang keluarga serta diri sendiri pakcik, kerjaya, pengalaman dan juga pencapaian. Baiklah soalan yang ingin saya tanyakan yang pertama adalah nama penuh pakcik.**

OMH : Nama penuh saya Omar Bin Md Hashim. (bunyi muzik) Mad ni Md. (sambil mengeja) lah. Omar B Md. Hashim.

**MAH : Umur pakcik sekarang berapa?**

OMH : Sekarang baru masuk *enam puluh* [60] tahun. Baru berapa hari *ja* [sahaja]

**MAH : Bilakah tarikh pakcik dilahirkan?**

OMH : *Lapan* [8] haribulan *empat* [4]. Jadi hari ini sudah *empat belas* [14] haribulan.

**MAH : Pakcik dilahirkan dimana?**

OMH : Saya dilahirkan di Bukit Mertajam, Seberang Prai.

**MAH : Pakcik di Penang [Pulau Pinang] selepas itu dibesarkan ditempat lain?**

OMH : Sebenarnya saya dibesarkan di Parit Buntar, Perak. Itu pun dalam beberapa tempoh *tak* [tidak] lama lah. *Lepas tu* [selepas itu], *balik* [pulang] ke Bukit Mertajam [salah sebuah tempat di Pulau Pinang] *balik* [semula].

**MAH : Tu [itu] untuk menjadi seorang penggiat boria ni [ini] ataupun pakcik mempunyai cita-cita lain?**

OMH : Sebenarnya darjah *empat* [4] *ni* [ini]-kalau orang kata *sepuluh* [10] tahun, masa umur *sepuluh* [10] tahun, jadi di sekolah ada buat pementasan hujung tahun lah macam biasa buat persembahan, jadi cikgu suruh saya buat *satu* [1] acara. Jadi kami punya kumpulan lah, jadi saya sendiri mengetuai kumpulan *tu* [itu] saya sendiri yang pernah *tengok* [lihat] boria masa kanak-kanak lah, pernah *tengok* [lihat] boria, jadi rasa boria [untuk membuat persembahan]. *Lepas tu* [selepas itu] aturlah dengan kawan-kawan semua, kami susunlah buat *macam* [seperti] rangkap boria *ni* [ini] rangkap karangan. Masa *tu* [itu] saya pun *tak* [tidak]

faham apa rangkap karangan saya pun buat, kemudian buat susun sketsa, saya berlakon sendiri, saya buat karangan sendiri, kemudian *main* [boria] dengan kawan-kawan dalam berbelas orang lah. Cerita pasal atur, jadi kebetulan bila buat persembahan boria *tu* [itu] semua puji lah, cikgu-cikgu puji, kawan-kawan puji kerana berjaya kot masa *tu* [itu]. Saya buat pun *tak* [tidak] faham macam mana elok *tak* [tidak] elok kualiti saya *tak* [tidak] faham tapi selepas daripada *tu*[itu] minat untuk dalam bidang *ni* [ini] dah bermula. Saya rasa macam "aik, aku boleh buat boria ni [ini], semua orang puji kita *baguih* [bagus]." Kerana yang *tu lah* [itulah] jadi pencetus semangat saya sampaihari*ni* [ini] lah sampai boleh *tengok hari ni*[lihat hari ini] pun saya memang aktif dalam boria jadi saya jawab pada soalan tu bermakna itulah kerana sekolah.

**MAH : Daripada sejak kecil lagi lah?**

OMH : Ya sejak dari kecik lagi sejak umur *sepuluh* [10] tahun.

**MAH : Kira pencapaian pakcik masa *tu* [itu] macam mana?**

OMH : Pencapaian maksud dia---

**MAH : Masa sekolah *tu* [itu], macam tadi pakcik nyatakan berjaya *tu* [itu] kira daripada sekolah ka ada yang lain lagi?**

OMH : Ya, daripada sekolah *tu* [itu] lah punca dia. Selepas *tu* [itu] dah timbul minat, saya bawa lah benda *tu* [itu] berjalan hingga sekolah menengah saya masih lagi masuk boria dan kumpulan sekolah, masuk pertandingan peringkat Pulau

Pinang, menang, seronok lagi, bila dah menang.Jadi saya main muzik pulak. Masa *tu* [itu] saya main alat muzik dalam boria *tu* [itu]. *Lepas tu* [selepas itu] kalau ambil peringkat *tu* [itu] dulu lah. Kalau peringkat sekarang dah peringkat dah dewasa kan. Masa peringkat tu, peringkat remaja, selepas itu saya tubuh dengan kawan-kawan, tubuh pula kumpulan boria belia. Masa *tu* [itu] dalam belia lah umur dalam belasan tahun. Jadi boria juga. Jadi orang kata bila saya ambil satu-satu benda *tu* [itu] saya tak ubah yang lain dah. Saya masih meneruskan dari masa ke semasa sehinggalah sekarang.(bunyi kanak-kanak menangis)

**MAH : Boleh saya tahu *tak* [tidak] pakcik, dimanakah pakcik memulakan persekolahan?**

OMH : Saya bersekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Bagan Tuan Kechil, Butterworth. (bunyi kanak-kanak menangis ). *Tu* [itu] sekolah rendah lah.

**MAH : Kalau sekolah menengah?**

OMH : Sekolah menengah di Sekolah Dato' Onn, Butterworth

**MAH : Selepas itu saya nak beralih soalan kepada keluarga pakcik lah. *Okay* [Baiklah] pertama sekali saya nak tanya pakcik nama ayah pakcik dan ibu pakcik?**

OMH : Ya, nama ayah saya *ni* [ini] Md Hashim lah. Md (sambil mengeja) Hashim. Md Hashim. Orang panggil dia Haji Hashim dan ibu saya nama Joriah Bt Shapie.

Joriah (sambil mengeja) Bt Shapie. Yang bapa saya *ni* [ini] Md Hashim B Taib.

**MAH : Pakcik ada berapa adik beradik?**

OMH : Adik beradik daripada (bunyi kanak-kanak menangis) dengan bapa saya dengan mak yang sama *dua* [2] orang. Kemudian dengan mak yang berlainan, sebab mak dulu ada meninggal, jadi bapa saya kahwin *satu* [1], lepas meninggal dia kahwin *satu* [1]. Jadi saya ada *tiga* [3] orang panggil *tiga* [3] generasi apa ka (bunyi kanak-kanak menangis) orang panggil. Jadi yang *nu* [sana] *dua* [2] orang, yang dengan kami *ni* [ini] *dua* [2] orang dan ada lagi adik pula dengan mak lain pula yang sekarang ni [ini], sekarang mak ada lagi lah. Mak baru pula. Bapa saya *ja* [sahaja] meninggal.

**MAH : Kiranya pakcik ni [ini] anak yang keberapa?**

OMH : Kalau dengan---kalau kita ambil daripada bapa lah, kalau ambil dengan bapa saya anak yang tengah tapi kalau ambil dengan mak yang kami *dua* [2] beradik *ni* [ini] saya anak yang sulung.

**MAH : Tadi pakcik maksudkan yang mak pakcik yang terakhir *tu* (itu) yang bapa kahwin *tu* [itu] ada lagi kan?**

OMH : Meninggal. Yang ada mak tiri *ja* [sahaja]

**MAH : Mak tiri *tu* [itu] dia ada lagi dia menetap dimana?**

OMH : Dia menetap di Kampung nama Kampung Tok Panjang, Bukit Mertajam.

Kampung *tu* [itu] juga lah yang kata saya dilahirkan pun.

**MAH : Jadi, adik beradik pakcik *ni* [ini] ada *dak* [tidak] yang berminat ataupun menceburi jugak bidang ini?**

OMH : Kami yang *dua* [2] beradik tadi dalam *satu* [1] mak tadi, adik saya memang dia pelakon pelawak boria lah. Dia pun sama juga macam saya boria juga. Yusof B. Md Hashim ataupun orang gelar dia Pak Kojet. (bunyi muzik)

**MAH : Pakcik sudah berkahwinkan? Jadi bolehkah pakcik cerita sedikit pasal isteri pakcik? Nama isteri pakcik? Bilakah pakcik berumahtangga? Anak-anak berapa orang?**

OMH : Saya berkahwin muda. (bunyi muzik)Jadi masa umur *dua puluh tiga* [23] tahun saya berkahwin (bunyi muzik), isteri saya nama Azizah Bt Osman, anak-anak saya semua ada empat [4] orang, *dua* [2] lelaki *dua* [2] perempuan lah.

**MAH : Anak pakcik *ni* [ini] ada juga yang menceburi bidang ni [ini]? (bunyi kanak-kanak menjerit)**

OMH : Kalau ikut nampak semua *tak* [tidak] berminat tapi saya cuba tarik kesemua anak saya main boria juga bukan main sepenuh masa *tak* [tidak]. Bila ada benda-benda tertentu macam *tak* [tidak] cukup orang ada, *depa* [mereka] main tapi kalau ikut, *depa* [mereka] minat benda lain, minat sukan minat lain,*depa* [mereka] tak minat seni lah.

**MAH : Nama anak pakcik tu apa dia ya?**

OMH : Anak yang sulung nama Muhd Asyadi (sambil mengeja), yang nombor dua nama Asnurrani (sambil mengeja), semua binti, bin Omar lah, anak yang ketiga nama Nur Auni (sambil mengeja) dan anak yang keempat yang bongsu sekali nama Muhd Asymawi (sambil mengeja).

**MAH : Selepas *tu* [itu] semua anak pakcik ni [ini] sudah berumahtangga atau belum?**

OMH : *Tiga* [3] orang dah berumahtangga, yang Asymawi yang kecil, dia baru belajar di Politeknik [Institut pengajian tinggi].

**MAH : Masa pakcik lapang *tu* [itu] pakcik isi dengan apa? Hobi pakcik?**

OMH : Dia ikut zaman lah. Zaman berubah. Kalau zaman ikut sekarang lah kot.Zaman *lani* [sekarang ini] saya banyak dengan komputer saya akan duduk dalam bilik komputer kalau yang *free* [lapang] waktu *tak dak* [tiada] apa, *Facebook* [laman sesawang atas talian] lah. Sebab dalam *Facebook* [laman sesawang atas talian] saya bukan orang kata merapu-rapu *dak* [tidak] (bunyi kanak-kanak) sebab saya sampaikan fakta-fakta apa-apa, benda-benda yang termasuk perniagaan saya, (bunyi kanak-kanak menjerit) apa bidang yang saya buat *ni* [ini], aktiviti saya, saya masuk dalam *Facebook* [laman sesawang atas talian].(bunyi kanak-kanak) Kalau *lain* [selain] daripada tu, blog [laman mennulis atas talian]. Blog [laman menulis atas talian] pun saya dah *slow* [perlahan]. Kalau tengok [lihat] pun blog

[laman menulis atas talian] saya pun dah kurang *update* [memuatnaik] dah. *Facebook* [laman sesawang atas talian] punya pasal, blog [laman menulis atas talian] dah jadi *slow* [perlahan]. *Lepas tu* [selepas itu], lain-lain saya banyak dengan bilik komputer lah. Saya buat apa-apa sama ada saya menulis ka apa ka. Jadi saya kurang-boleh kata saya *tak* [tidak] menonton, kalau saya menonton tv [televisyen] bila ada saya *ja* [sahaja]. Saya ada juga beberapa kali keluar tv [televisyen]. Ada terlibat dengan saya, saya tengok [lihat] kalau *tak dak* [tiada] *tak* [tidak] terlibat saya *tak* [tidak] tengok [lihat]. Itulah yang sekarang.

**MAH : Bolehkah pakcik beritahu makanan kegemaran pakcik dan juga minuman kegemaran pakcik?**

OMH : Makanan kegemaran. Kalau kata nasi ka lauk ka atau makanan lain-lain?

**MAH : Ikut pakcik lah, kalau macam contoh pakcik kata makanan segera, makanan segera *tu* [itu] apa?**

OMH : Saya *tak* [tidak] berapa suka makanan segera. Saya suka apa--benda-benda yang macam traditional dulu lah. Jadi apa nak kata, ulam-ulam pun *dak* [tidak] juga. Kurang-kurang makan lah juga, kurang.

**MAH : Saya nak tanya pakcik, pakcik ada apa-apa matlamat atau pegangan apa-apa *dak* [tidak] dalam hidup pakcik sepanjang bergelar insan seni?**

OMH : Matlamat saya, saya pegang satu *ja* [sahaja]. Seni warisan budaya *tiga* [3] benda *ni* [ini] saya pertahankan walaupun ada orang lain suka ka *tak* [tidak] suka ka

ataupun orang pandang saya sebagai dah tua *tak* [tidak] layak lagi *duk* [nak] aktif macam *ni* [ini]. Ada juga. Ada juga timbul benda *ni* [ini]. Tapi saya tetap pegang, seni budaya warisan tetap saya pertahankan kerana benda *ni* [ini] lah identiti kita. Kalau Hang Tuah kata *takkan* [tidak akan] melayu hilang didunia bagi saya melayu itu terlibat juga dengan seni budaya warisan juga. Yang *ni* [ini] pun jangan hilang didunia. Kalau dia hilang dari benda *ni* [ini] semua, hilanglah apa, identiti kita, jati diri kita hilang lah. Bermakna kita dah di berjaya apa, orang luar berjaya tawan kita kerana kita dah *tak* [tiada] ada apa-apa lagi dah. Yang *tu* [itu] saya pegang dari kecil dari saya zaman kanak-kanak, memang orang *tak* [tidak] suka zaman kanak-kanak, orang *tak* [tidak] suka seni-seni macam yang membosankan apa tapi saya suka. Zaman kanak-kanak orang, yang kanak-kanak, remaja macam saya kan orang *tak* [tidak] suka tapi saya suka. *Insyallah* [dengan izin Allah] sampai *lani* [sekarang ini] pun saya boleh hidup dengan benda *ni* [ini] juga.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

**BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG KERJAYA**

**MAH : *Okay* [Baiklah] pakcik kita akan beralih kepada soalan latar belakang kerjaya pakcik lah. Pekerjaan pakcik yang pertama sekali *lepas* [selepas] pakcik tamatkan zaman persekolahan, boleh pakcik nyatakan? Dengan pekerjaan pakcik yang sekarang?**

OMH : *Okay* [Baiklah] selepas tamat persekolahan *setahun* [1 tahun] saya menganggur. Selepas *tu* [itu] masa umur *lapan belas* [18] tahun *dah* [sudah] dapat kerja jadi kerani *ja lah* [sajalah], kerani di Jabatan Telekom Malaysia di Kuala Lumpur. Masa *tu lah* [itulah] umur *lapan belas* [18] saya *dah* [sudah] berhijrah ke Kuala Lumpur duduk dalam *setahun* [1 tahun] lebih. Selepas *tu* [itu], saya terus pindah *mai* [pulang] balik ke Pulau Pinang dengan Jabatan Telekom *ni* [ini] sampai saya berhenti bukan pencen. Saya berhenti sekerat jalan. Bila berhenti *tu* [itu] saya ingat saya dapat hidup dengan berniaga. Saya cuba dalam perniagaan, mula-mula saya berjaya, berjaya sehingga ke peringkat agak tertinggi juga,*lepas tu* [selepas itu] saya jatuh dalam perniagaan *tu* [itu]. Saya jatuh. Jatuh sejatuh-jatuhnya, sampai orang kata jatuh lenyap di muka bumi terus, saya jatuh paling teruk lebih kurang pada tahun *sembilan puluh* [90] an, *sembilan puluh lima* [95] macam *tu* [itu] lah keatas. Sama juga dengan kegawatan ekonomi tahun *sembilan puluh lapan* [98], zaman-zaman *tu* [itu] lagi gawat lah *bila mai* [apabila datang] gawat pula saya jatuh teruk. Jadi sekarang *ni* [ini] saya ingat dalam *tujuh* [7] tahun yang saya mula naik *balik* [semula], dan bila naik *balik* [semula] saya tetap pilih lapangan, lapangan saya sebenarnya lapangan menguruskan seni budaya warisan, artis, persembahan, semua benda-benda yang

berkaitan dengan seni dan ini lah yang saya buat dan dalam *dua* [2] tahun yang kebelakang *ni* [ini] saya dah terlampau aktif, memang aktif sangat-sangat sehingga yang menjadi kita telefon pun kadang nak jumpa jadi saya kata "*ni* [ini] kita sibuk *ni* [ini]" apa kan. Hari *ni* [ini] pun saya cuba meluangkan masa, sebenarnya ada beberapa pekara lagi tapi *tak pa* [tidak apa] yang *ni* [ini] pun *satu* [1] benda yang baik juga untuk kita sampaikan ilmu, kita *tak* [tidak] boleh kedekut. Tapi *la ni* [sekarang ini] saya cukup sibuk dalam *dua* [2] tahun yang kebelakangan *ni* [ini] dan dijangka jadual-jadual saya seterusnya *ni* [ini] lagi bertambah sibuk. Mungkin sampai sehari *dua puluh empat* [24] jam masa *tak* [tidak] cukup kalau boleh dapat *empat puluh lapan* [48] jam sehari.(ketawa)

**MAH : Jadi pakcik kami nak *tau* [tahu] kan pakcik tadi pakcik ada sebut minat pakcik *tu*[itu] datang daripada sekolah rendah, *so*[jadi] ada siapa-siapa *bagi* [beri] pakcik galakan, sokongan untuk pakcik terus dalam bidang?**

OMH : *Tak dak* [tiada], sebenarnya ibu bapa, arwah ibu bapa saya dulu pun *tak* [tidak] pernah *bagi* [beri] sokongan. *Depa tak* [Mereka tidak] pernah peduli tapi arwah bapa saya---dulu saya penulis, zaman remaja saya pernah menulis puisi apa semua hantar radio, hantar majalah, hantar *tv* [televisyen] semua, jadi *tu* [itu] ada sikit bukan sokongan apa, zaman dulu *tak dak* [tidak ada] macam *lani* [sekarang ini] kan yang kita taip satu-satu [merujuk kepada mesin taip] *tu* [itu] kan. Jadi arwah bapa saya terpaksa dia berhutang dia pun susah. Dia beli kerana dia---boleh juga kita kata sebagai dorongan. Tapi yang lain-lain *tu* [itu] macam seni *ni*[ini] apa semua, *sapa* [siapa] pun *tak* [tidak] ambil kisah, saya sendiri.

Minat *tu* [itu] timbul sendiri.

MAH : **Kira pakcik lepas pakcik *tau* [tahu] pakcik minat *tu* [itu] apa langkah pertama pakcik (bunyi batuk) melibatkan diri dalam bidang boria *ni* [ini]?**

OMH : Benda *ni* [ini] jadi secara *tak* [tidak] disedari, kerana saya pun *tak* [tidak] sangka apa yang kata saya berjinak-jinak dengan boria *tu* [itu] akhirnya akan jadi sehingga ada orang *mai* [datang] jumpa saya pula, boleh *mai* [datang] tanya pula pasal boria, masa *tu* [itu] saya *tak* [tidak] sangka, *la ni* [sekarang ini], terus-terang saya kata, yang *ni* [ini] bukan puji diri sendiri lah, dalam boria ka di Malaysia ka, *la ni* [sekarang ini] sebenarnya saya duduk di tempat pertama lah. Maksud dia sehingga orang gelar saya, orang kata "Omara boria, boria Omara." Sampai ada berapa orang dah bagi gelaran macam *tu* [itu]. Jadi *Alhamdulillah* [Segala puji bagi Allah] lah saya suka macam *tu* [itu] dan ada orang tanya *"Encik Omara ni kerja apa"*, jadi saya kata "Kalau saya *bagitau* [beritahu] kerja saya mungkin orang *tak* [tidak] percaya". *Depa* [mereka] tanya "Kerja apa?" "Kerja saya kerja boria." Jadi sehingga saya sanggup sebut boria *tu* [itu] sebagai kerja. Padahal boria *tu* [itu] kalau setengah pihak nampak kecil *ja* [sahaja], boria hanya main *lagu tu ja, tah-tah pi* [macam itu sahaja, entah-entah pergi] kata kerja kan tapi saya nampak betul boria sebagai kerja apa yang saya buat *la ni* [sekarang ini] saya nampak menjadi kerana boria juga saya boleh dikenali dan campur dalam bidang-bidang seni lain lah.

**MAH : Apakah halangan yang pakcik hadapi kira sepanjang pakcik menjadi anak seni ada halangan atau rintangan yang pakcik hadapi?**

OMH : Ada, sebenarnya rintangan dan---rintangan bukan apa, rintangan *ni* [ini] kalau kata bidang seni ada juga masyarakat sekeliling ada yang pandang baik, ada yang pandang *tak* [tidak] baik, terutama bila umur saya dah menjangkau *enam puluh* [60] tahun *ni* [ini], jadi orang pandang sepatutnya saya bukan *duduk* [berada] di tempat *ni* [ini] lah, saya sepatutnya *duduk* [berada] di masjid di surau di ataupun orang tua-tua *duduk* [berada] di kedai kopi atau duduk dengan aktiviti setempat dengan kawan-kawan yang sama kan, orang *nak* [mahu] saya macam *tu* [itu] tapi saya *tak* [tidak] boleh sebab surau masjid *kena* [pergi] tapi waktu dia lah, kata nak melepak macam orang tua-tua melepak saya *tak* [tidak] boleh lah sebab saya anggap saya bukan orang tua-tua lagi (sambil ketawa). *Lepas tu* [selepas itu] apa *satu* [1] lagi rintangan apa, yang *ni* [ini] pun saya boleh kata rintangan juga, sejak akhir-akhir *ni* [ini] sejak saya bertambah aktif *ni* [ini] ada dikalangan kita kata kawan-kawan boria juga lah, kawan seangkatan saya yang terlibat dalam boria *ni* [ini], saya bercakap terus terang *ni* [ini] yang saya rasa *tak* [tidak] suka dengan saya *tak* [tidak] suka dengan kegiatan saya, mungkin kita kata dengki ka apa ka. Jadi orang-orang *ni* [ini] sentiasa dibelakang *ni* [ini] cuba ambil jalan untuk, saya rasa macam tak *mau* [mahu] bagi saya *pi* [pergi] kedepan dengan boria lah. Tapi, dulu peringkat awal dulu bila *mai* [datang] rintangan-rintangan macam *ni* [ini] saya kecewa, saya jadi macam nak tarik diri. Saya biasa merajuk *tiga* [3] tahun saya *tak* [tidak] buat apa kerana saya merajuk. Saya sebut terus-terang *tak* [tidak] apa kalau benda *ni* [ini]

*esok* [hari yang akan datang] diketahui oleh Jabatan Kebudayaan Kesenian [JKKM] Pulau Pinang, selama *tiga tahun depa* [3 tahun mereka] pinggirkan saya masa *tu*[itu]. Dulu lah. *Depa tak bagi* [Mereka tidak beri] apa *kat* [kepada] saya pun, kira orang-orang lain dapat tempat dapat apa, jadi saya sepatutnya sebagai penggiat boria saya patut orang jaga lah pasal orang luar nampak. Macam *ni* [ini] semua [merujuk kepada penemubual] saya anggap orang luar, orang luar orang jauh sampai Sabah Sarawak semua nampak. Dunia pun nampak saya dihubungi, *email* [laman pesanan elektronik] dengan orang-orang daripada luar negara lah tentang boria. Tapi orang yang *tak* [tidak] nampak orang yang dekat yang bertanggungjawab untuk membantu saya dalam lapangan boria *ni* [ini], orang-orang macam *ni*[ini], saya merajuk selama *tiga* [3] tahun saya *tak* [tidak] aktif apa-apa tapi sebenarnya saya sedar yang *tu* [itu] saya silap lah. Sepatutnya bila *mai* [datang] benda-benda cabaran, kita jangan mengaku kalah, kalau kita mengaku kalah habis lah. Apa perjuangan saya dari darjah *empat* [4] tadi, umur *sepuluh* [10] tahun tadi semua akan terkubur. Jadi ada kawan yang *bagi* [beri] semangat *kat* [kepada] saya, jadi bila ada kawan yang *bagi* [beri semangat], seorang lah, seorang kawan yang betul-betul *bagi* [beri] semangat *kat* [kepada] saya, dan sebenarnya saya boleh kata kerana dia, *la* [sekarang] saya hidup balik dalam *dua* [2] tahun *ni* [ini], saya aktif balik dan saya *tak* [tidak] peduli *dah* [lagi]. Apa yang lagi orang *tak* [tidak] suka pada saya, lagi *mai* [datang] benda-benda rintangan *tu* [itu] lagi saya nak maju lagi, lagi saya nak *kedepan* [ke hadapan], saya *nak* [hendak] buktikan yang kalau orang kata saya *tak* [tidak] boleh saya *nak* [hendak] buat. Sebenarnya saya lebih

boleh. *Ni* [Ini] lah semangat baru yang ada dalam *dua* [2] tahun *ni* [ini]. *Alhamdulillah, tu* [Segala puji bagi Allah, tu] lah yang kata saya aktif *ni* [ini]. *Tu* [itu] lah.

**MAH : Boleh pakcik nyatakan siapakah kawan pakcik yang pakcik kata bagi semangat, dorongan untuk kembali *balik* [semula]?**

OMH : Kawan saya *tu* [itu] sebenarnya *la* [sekarang] dalam bidang, dia duduk---saya sebut dia artis saya lah, dia perempuan. Saya sebut dia artis saya kerana dia sebenarnya seorang penyanyi tapi saya dah jadikan dia, dia *ni* [ini] apa saya jadi *manager* [pengurus] dia lah, *habaq* [beritahu] terus terang selama *dua* [2] tahun saya mengurus dia untuk sampai dia jadi pelakon, dia ada berlakon drama *tv* [televisyen], *lepas tu* [selepas itu] dia ada jadi jurulatih boria, penggiat boria, dia jadi, boleh apa, penyair lah. Baca sajak, puisi. Dia jadi pengacara, dia jadi pelakon sketsa boria. Jadi macam-macam sehingga dalam *dua* [2] tahun *ni* [ini] saya jadi orang kata dah hidup balik. Jadi macam *ni* [ini] lah. Nama dia Aida Elias (sambil mengeja). Ini pun ada antara penggiat-penggiat seni lain yang macam dah mula iri hati pula. Pasal saya dah berjaya bawa dia. *Depa* [mereka] iri hati kat dia lah pasal tiba-tiba dia *pi* [pergi], dia muncul, dia berjaya dalam bidang *ni* [ini] semua. Tapi kerana dia yang bagi dorongan dan semangat *kat* [kepada] saya untuk benda *ni* [ini], saya tetap terus dengan dia lah. Saya sepenuh masa mengurus dia.

**MAH** : **Saya nak tanya pakcik kan, pakcik ni *sepuluh* [10] tahun pakcik kata dah ada boria kan, bila masa boria *ni* [ini] diperkenalkan di Pulau Pinang?**

OMH : Sebenarnya boria lama, boria kalau ikut sejarah masuk boria *ni* [ini] tahun *seribu tujuh ratus lapan puluh enam* [1786] lama *tu* [itu], *la* [sekarang] dah *dua ribu* [2000] kan. Boria masuk ke Pulau Pinang sama tahun dengan Francis Light [pengasas Bandar Pulau Pinang] buka Pulau Pinang. Dulu tahu kan sejarah Pulau Pinang dibuka oleh Francis Light, tahun *tujuh belas lapan puluh enam* [1786] juga. Bila Francis Light buka Pulau Pinang, Pulau Pinang masa *tu* [itu] mula maju lah. *Dah tu* [sesudah itu] pelayar-pelayar, pedagang-pedagang semua orang *nak* [hendak] meniaga di Pulau Pinang *ni* [ini]. Jadi ada dari China, dari India, dari Jawa *mai kat* [datang dekat] Pulau Pinang *ni* [ini]. Masa tulah boria dibawa oleh pedagang-pedagang India, kerana pedagang India *mai* [datang] ke Pulau Pinang, *depa* [mereka] bawa boria. Jadi boria masuk Pulau Pinang masa *tu* [itu]. Jadi kalau tanya saya lebih awal saya akan *bagi tau* [beritahu] sebelum India pula dari mana, sebut lah sikit, dia asal dari Parsi, Iran. Dari Parsi ke India, India ke Pulau Pinang.

**MAH** : **Yang pakcik kata tadi pakcik kenal sendiri atau ada orang yang bagitau pakcik boria ni [bunyi mesin berpanjangan] hasil seni masa umur pakcik 10 tahun?**

OMH : Masa *tu* [itu] banyak persembahan-persembahan. Rumah saya *ni duduk tak* [ini terletak tidak] jauh daripada padang, dulu orang panggil padang bandaran Butterworth, *la* [sekarang] padang Datuk Haji Ahmad Badawi *la ni* [sekarang

ini] dekat Butterworth. Jadi di padang *tu* [itu] selalu kerap ada persembahan-persembahan macam untuk merdeka ka, untuk raya ka, untuk apa-apa lah. Bila ada persembahan, boria tentu ada dan saya peminat lah. Saya minat boria jadi saya akan duduk di *depan* [hadapan], dekat, *tengok* [lihat] macam mana orang main boria. Seronok lah. Itu lah yang mula saya rasa suka boria *tu* [itu].

MAH : **Jadi pakcik macam setiap persembahan *tu* [itu] ada [bunyi batuk] tema sendiri atau ikut orang *tu* [itu] yang pilih?**

OMH : Sebenarnya boria ada tema *dia* [boria] sendiri, kalau *dia* [boria] ada *dua* [2]. *Satu* [1] kita buat, kita pilih apa-apa tema yang kita nak buat, yang ke *dua* [2] orang suruh buat. Maksud dia, kata penganjur dia *nak* [hendak] buat boria kata tentang kisah *satu* [1] majlis makan malam, nama sekian-sekian majlis, jadi dia kata suruh buat boria yang berkenaan *tu* [itu]. Jadi kami akan buat rangkap karangan apa semua cerita sekitar, dia mengikut tema orang *bagi* [beri]. Kalau orang *tak bagi* [tidak beri tema], kita buat sendiri. Kita buat cerita Pulau Pinang, cerita masyarakat, saya buat sendiri. Jadi *dua* [2]*macam* [jenis] lah.

MAH : **Berapa orang yang diperlukan untuk menjadikan boria itu lengkap? Berapa orang?**

OMH : Paling minimum, paling sikit boria kita elok ada dalam---pasal boria ada sketsa, ada tukang karang, ada tarian, paling sikit kita elok dalam *sepuluh* [10] ke *dua belas* [12] orang lah. Tapi kalau banyak dia boleh *pi* [pergi] dari *lima belas* [15] orang hingga ke *dua puluh* [20] orang (bunyi muzik) dan boria lagi banyak lagi

nampak meriah dia, lagi elok. Tapi yang saya punya kumpulan sendiri, kami lebih kurang dalam *lima belas* [15] orang. Normal lah kira *lima belas* [15] orang.

MAH : **Pakcik boleh nyatakan artis yang biasa meriahkan boria ni sendiri? Kira artis yang dikenali orang lah.**

OMH : Ya, sebelum *tu* [itu] artis *tu* [itu] dia jadi tukang karang boria, contoh dia Nassier Wahab [penyanyi Malaysia]. Akhirnya daripada tukang karang boria dia jadi penyanyi, dia pun *dah* [sudah] tinggal boria lah. *Lepas tu* [Selepas itu] lain-lain macam Hail Amir, *ni* [ini] orang-orang lama lah, Hail Amir dia pun asal mula dari boria. *Lepas tu* [Selepas itu] dah meninggal dah, nama Dato' Ahmad Daud bapa Ogy [Fauziah Ahmad Daud] *ni* [ini], dia pun bermula dengan boria. Kalau macam Piee *ni* [ini], Syafie Jaafar [pelokan dan pelawak] atau Piee, dia pun bermula dengan boria, *lepas tu* [selepas itu] dia jadi pelawak, jadi pelakon apa. Lebih kurang itulah antara orang yang dah terkenal *asal* [bermula] dari boria.

MAH : **Pada pendapat pakcik kan, persembahan boria ni ada bagi manfaat ataupun kebaikan ataupun pengajaran untuk penonton?**

OMH : Ada. Ada dia kerana dia ada mesej. Dari sketsa *tu* [itu] pun *dah* [sudah] ada mesej dia. Kata lah kita buat tentang bahaya dadah, dalam sketsa *tu* [itu] dia ada kita cerita macam cerita pembangkang. Maksud dia *dua ke tiga* [2 hingga 3] orang *ni* [ini] yang negatif lah yang *depa ni* [mereka ini] kata dadah *ni* [ini]

bagus, terlibat dengan dadah apa semua tapi dia akan masuk seorang penasihat. Penasihat *ni* [ini] akan nasihat *balik bagi* [semula beri] mesej kata dadah *ni* [ini] merbahaya dia macam *ni* [ini], dia sekian-sekian, jadi *pada situ dah* [daripada itu sudah] dapat mesej, dia ada kita boleh sampai kepada masyarakat. Dalam karangan pula masa tukang karang menyanyi *tu* [itu], ayat-ayat yang dia sebut *tu* [itu] pun semua berbentuk nasihat kepada cerita *tu* [itu] tadi. Kalau kita nak buat cerita nasihat lah. Jadi, *tu* [itu] saya nampak boria dia boleh menyampaikan mesej yang baik lah untuk *satu* [1] tema.

MAH : **Macam mana pakcik *nak* [hendak] menarik minat orang ramai untuk menonton persembahan boria ini? Mungkin ada daripada surat khabar, daripada media sosial yang pakcik guna *Facebook tu* [laman sesawang atas talian tu], macam mana?**

OMH : Betul, memang sekarang *ni* [ini] yang paling terbaru saya guna *Facebook* [laman sesawang atas talian], pastu *blog* [laman menulis atas talian] juga saya guna untuk---, sebab tapi *blog ni* [laman menulis atas talian ini] dia jadi lambat, sebab *blog ni* [laman menulis atas talian ini], dia *tak* [tidak] boleh kita *nak* [hendak] tarik, cuma *blog* [laman menulis atas talian] orang yang *tak* [tidak] ada *Facebook*[laman sesawang atas talian] boleh tengok [lihat], orang ramai mana-mana boleh tapi kalau *Facebook* [laman sesawang atas talian] hanya rakan kita ataupun hanya orang yang berdekatan *saja* [sahaja] yang boleh. Jadi saya sampaikan melalui *dua-dua* [2-2] ini lah. Yang *tu* [itu] cara saya promosi untuk *nak bagi tau* [hendak beritahu] kata ada *satu-satu* [1-1] persembahan boria.

**MAH : Pakcik boleh cerita keunikan yang ada dalam boria ini dengan benda lain, contoh macam dekat Kelantan kita ada dikir barat, boleh pakcik cerita kelebihan dia, keunikan seni boria ni?**

OMH : Cuma kalau kita nak kata boria lebih baik *tak* [tidak] boleh sebab nanti orang seni lain marah kan. Kalau cerita boria lebih baik daripada dikir barat, kawan-kawan saya dari dikir barat lain nantimarah. Tapi saya cerita kebaikan boria dulu. Boria *ni* [ini] dengar nama boria kan, ria dibelakang *tu* [itu], ria, ceria. Boria *ni* [ini] sebenarnya ceria, boria *tak* [tidak] ada yang susah hati. Walaupun asal dari Iran dulu boria susah hati, boria cerita sedih tapi *la* [sekarang] boria jadi ceria, gembira, ria, seronok. Jadi dalam persembahan biasanya orang kalau *tengok* [lihat] pun orang nak rancak, nak seronok, yang menghiburkan. Jadi boria ada ciri-ciri *tu* [itu] ada. Boria boleh menghiburkan. Muzik dia pun rancak. Dia kemudian kita panggil *seller* [penari latar], atau yang menari di belakang *tu* [itu] tiap kali akan kata "Ewah, Rancak, Ya ribba" (sambil menyanyi) apa kan, jadi kata-kata *tu* [itu] bagi benda *tu* [itu] lagi meriah. Jadi saya nampak boria satu seni warisan yang orang kata ceria lah yang gembira, ceria, rancak, seronok, suka. *Lepas tu* [selepas itu] dari kelainan dari seni lain, contohnya kita kata baru saya bagi perbandingan lah. Bukan kata *depa tak* [mereka tidak] bagus tapi bagi perbandingan, boria berdiri sambil menari kan. Dikir barat duduk, hanya tangan *ja* [sahaja] yang dia lenggok dengan menyanyi kan, tapi badan tetap duduk ditempat yang sama, kecuali tukang karut dia *ja* [sahaja] yang berdiri. Boria bukan tukang karut, boria tukang karang. Tukang karang boria dia

pegang tongkat, dia sambil jalan. Dia menyanyi rangkap-rangkap boria. Kemudian pula, keunikan rangkap karangan boria, lain daripada yang lain. Kalau kita buat kajian pun, rangkap karangan boria, dia hujung-hujung setiap suku kata atau rima dia bunyi sama. Sama bukan takat "A" (sambil membunyikan nada A) saja macam a,e,i,o,u (sambil membunyikan mengikut nada) saja tapi sama rima macam kita kata tadi macam lisan, san, dia tak ambil lukisan, kan, tan, ran, *tak* [tidak] boleh jadi kalau apa, mengenai sejarah lisan, telah berjaya meninggalkan kesan, dia san. Bukan sekadar menjadi hiasan, san. Jadi dia mesti san, san, san .kalau ra, ra, ra, ra [rima untuk keseluruhan rangkap mestilah sama rima]. Jadi keindahan tu *tak* [tidak] ada dalam seni lain. Hanya ada dalam boria dan itulah rangkap karangan boria. Orang kata susah orang nak buat tapi bila dah jadi benda *tu* [itu] indah, cantik, menarik. Kemudian pula boria pula, kita panggil *tiga* [3] dalam *satu* [1]. *Tiga* [3] rangkap *tu* [itu] dia ada sketsa. Sketsa dan lakonan serta mesej tapi kita sampaikan secara berlawak sikit untuk bagi orang *tak boring* [tidak bosan], jadi orang suka lawak kan, maharajalawak kan. Dalam boria ada lawak, dalam boria juga ada nyanyi. Orang semua suka menyanyi. Suka dengar menyanyi semua, dalam boria ada menyanyi. Orang suka lagu dalam boria ada. Tadi saya tertinggal *satu* [1] kan. Orang suka menari, dalam boria ada gerak tarian ada menari, orang suka muzik dalam boria ada muzik. *Lima* [5] dah. *Lima* [5] dalam *satu* [1] dah. Jadi *tu* [itu] lah cerita boria. Semua benda-benda yang orang suka, benda-benda *tu* [itu] ada dalam boria. Itu sajalah pandangan-pandangan saya sendiri lah.

**MAH : Kalau boleh pakcik ceritakan, berapa harga yang pakcik kira kenakan dekat orang yang buat persembahan?**

OMH : Yang *ni* [ini] atas kumpulan saya lah. Masing-masing kumpulan masing-masing harga tersendiri. Buat masa *ni* [ini] saya letak harga *seribu lapan ratus* [1800]. *Tu* [itu] harga tetap saya, dan kalau orang runding sikit-sikit *tu* [itu] boleh lah.

**MAH : Boleh pakcik *bagi tau* [beritahu] tentang tempat pakcik selalu sangat pakcik, kalau ada *event* [majlis] atau persembahan, pakcik akan dipanggil membuat persembahan di tempat *tu* [itu]?**

OMH : *Tak* [tidak] sama, tempat dia berubah-ubah. Kecuali *satu* [1] tempat yang dah tetap *tiap* [setiap] tahun, setahun sekali di Georgetown. Ulang tahun Georgetown, bandar warisan. Kami dijemput lah. Yang *tu* [itu] setahun sekali sejak dari tahun *dua ribu lapan* [2008], Georgetown diisytihar bandar warisan dunia, saya dijemput termasuk juga masa pengisytiharan Georgetown bandar warisan dengan Melaka sekali *tu* [itu] di buat di Dataran Merdeka, KL [Kuala Lumpur]. Saya juga yang bawa boria ke sana, ada *dua* [2] boria, *satu* [1] boria main di pentas, *satu* [1] lagi boria main di jalanan dengan lebih kurang *seribu* [1000] orang *seller* [penari latar]. Yang terbesar lah. Yang itu pengalaman yang menarik dalam sejarah boria saya lah.

**MAH : Dalam boria tu pakcik sendiri ada join dengan boria *tu* [itu]?**

OMH : Macam saya kata tadi, *okay* [baik] sebelum *ni* [ini] saya main boria orang, saya mungkin saya berlakon sketsa, mungkin saya buat karangan, saya terlibat

dengan boria orang, saya bawa boria *tu* [itu] ke *tv* [televisyen] ka apa. Kemudian dalam tahun *dua ribu lima* [2005], saya tubuh sendiri nama kumpulan boria Omara. Saya ambil remaja-remaja *ja* [sahaja]. Masa kumpulan boria Omara *ni* [ini] kami main adalah di *tv* [televisyen] dan beberapa tempat. Lepas *tu* [itu] saya sebut tadi cerita saya merajuk *tiga* [3] tahun, *tiga* [3] tahun saya hilang dalam boria dalam apa saya *tak* [tidak] ada, saya tutup kumpulan saya boria Omara pun saya tutup, bila *mai* [datang] *dua* [2] tahun yang lepas saya muncul balik dengan boria Omara yang tapi orang dah berubah bukan ahli yang sama sebab ahli yang *tu* [itu] ada yang dah kahwin, dan anak-anak dia pun terlibat. Ada *dua* [2] orang anak dia, tiga [3] orang ada dalam *tu* [itu]. *Depa* [mereka] pun *lani* [sekarang ini] *dah* [sudah] kahwin *dah* [sudah] dapat anak, *depa* [mereka] pun *tak* [tidak] main dah. Jadi boria yang baru *ni* [ini] nama boria Omara, dah wujud hampir *dua* [2] tahun. Yang *ni* [ini] aktif dan terus [masih lagi aktif]. Banyak lah *show* [persembahan].

**MAH : Macam mana pakcik menyertai dan menguruskan pasukan boria sekaligus?**

OMH : Saya menguruskan *ni* [ini], saya *dua* [2] orang lah yang saya *kata* [cakap] tadi yang saya sebut Aida Elias tadi, yang bagi semangat *kat* [kepada] saya *ni* [ini], dia juga minta *nak* [hendak] perhidupkan *balik* [semula] boria *ni* [ini] jadi saya kata *okay* [baik] saya serah *kat* [kepada] dia bagi dia bantu saya, sebab saya banyak benda yang saya buat. (bunyi kaki meja) Jadi nak urus *seratus peratus* [100%] boria *tu* [itu] memang saya sibuk. Tapi saya pantau lah, saya pantau,

saya ikut, contoh dia kalau dari segi *buat* [cipta] lagu, saya buat. Buat rangkap karangan, saya buat. Mengelolakan untuk tiket tempat *show* [persembahan] saya buat. Tapi dari segi latihan dia buat pasal dia yang menguruskan tapi saya pantau. Saya akan ada sama masa latihan *tu* [itu] pun.

MAH : **Tadi pakcik kata *tak* [tidak] ada siapa yang bantu pakcik, yang menyokong pakcik tapi sekarang *ni* [ini] saya nampak pakcik *dah* [sudah]berjaya, jadi pakcik ada *tak* [tidak] orang yang memberi sokongan hingga ke hari ini?**

OMH : Kalau ikut isteri saya sendiri, saya rasa dia bagi sokongan lah walaupun sebagai isteri *ni* [ini] dia tak *mau* [mahu] lah macam seronok *nak* [hendak] kata *okay* [baik] lah, bagus lah kan, *dak* [tidak] lah kan tapi cara walaupun dia diam, saya nampak dia bagi sokongan kerana saya nak buat apa-apa *tak dak* [tidak], *tak* [tidak] mendapat halangan.

MAH : **Macam saya kata tadi pasal orang yang mendorong pakcik sampai ke hari ini, kira hari ini isteri pakcik kan?**

OMH : Secara *tak* [tidak] langsung saya nampak dia menyokong walaupun menyokong dalam diam, tapi dia sokong kerana saya ada lesen besar [merujuk kepada ketua keluarga] kat saya, lesen *ni* [ini] saya boleh balik pukul berapa pun boleh. Saya boleh *pi* [pergi] mana, nak *pi* [pergi] *KL* [Kuala Lumpur] ka nak *pi* [pergi] mana, *ni* [ini] nak *pi* [pergi] *KL* [Kuala Lumpur] lusa, *pi* [pergi] *KL* [Kuala Lumpur] pula *empat* [4] hari. Jadi apa-apa saya buat bermakna isteri saya *tak* [tidak] pernah halang. Dia kerana dia macam dia suka lah kot bidang apa yang

saya buat *ni* [ini]. Jadi saya cuma boleh kata macam tu *ja lah* [sahaja lah]. Bukan nak kata sokong macam bagi sorak, *tak* [tidak] ada lah. Sekarang *ni tak dak* [ini tidak] ada yang *mai* [datang] macam *tu* [itu] tapi saya seronok juga bila masuk di *Facebook* [laman sesawang atas talian] saya anggap ramai yang menyokong. Orang menyokong betul ka *dak* [tidak], kadang orang puji di *Facebook* [laman sesawang atas talian] *ni* [ini] belum tentu dia puji *seratus peratus* [100%] tapi orang kalau kata dalam *sepuluh* [10] orang mungkin kita boleh ambil *dua* [2] orang atau *tiga* [3] orang dia ikhlas kot. Bila *depa* [mereka] kata *okay* [bagus] lah, Omara bagus lah perhidupkan *balik* [semula] boria, Omara dah macam *ni* [ini]. Saya anggap positif kata orang *tu* [itu] menyokong saya lah. Tapi benda-benda macam ini lah yang buat membawa dorongan, kita rasa macam orang suka kita buat walaupun kita *tak* [tidak] yakin *seratus peratus* [100%] betul ka orang suka kan.

MAH : **Semenjak pakcik terlibat dalam boria *ni* [ini] ada *tak* [tidak] album yang pakcik pernah hasilkan?**

OMH : Masa album lagu lah, ada. Saya mula dengan tahun *sembilan puluh satu* [91], album saya yang pertama, saya keluar, saya terbit nama dia Untukmu Hijau Kuning, nyanyian M Shariff, Piee, Maideen. Dalam album *tu* [itu] ada *satu* [1] lagu boria skim cepat kaya, jadi saya ada masuk lagu boria dalam *tu* [itu]. *Lepas tu* [selepas itu] album yang kedua album Hijau Kuning Hari Raya. Yang *tu* [itu] saya masukkan lagu boria hari raya. Ada boria. Dah *tu* [itu] saya buat album pula (bunyi batuk), kalau ikut saya buat, saya banyak terbit saya terbit album

hampir *enam puluh* [60] album. Saya satunya penerbit album rakaman ni kira diutara, melayu, orang melayu diutara antara yang aktif lah sehingga *enam puluh* [60] album. Saya sendiri baru sedar *enam puluh* [60] album, saya ingat saya buat sikit, bila saya kira-kira *balik* [semula]---sebab saya *tak* [tidak] pernah simpan dan *tak* [tidak] pernah susun fakta tapi bila orang tanya saya, saya cari-cari *balik* [semula] dapat sehingga *enam puluh* [60]. Sampai *la* [sekarang] saya terbit, yang sampai *lani* [sekarang ini], *satu* [1] March lepas pun saya terbit *satu* [1] album lagi ada *ni* [ini]. Bulan Julai *ni* [ini] pun akan keluar lagi *satu* [1] album saya yang terbaru lah. Tapi bila sebut tentang boria dalam album saya terbaru yang nak keluar bulan Julai *ni* [ini] pun saya masuk jugak *satu* [1] lagu berirama boria, bermakna dalam banyak-banyak *tu* [itu] saya akan selitkan juga boria tapi saya *tak* [tidak] buat album boria penuh, (bunyi kanak-kanak menjerit) kerana album boria penuh mungkin atas pasaran mungkin orang *tak* [tidak] lah semua orang suka *seratus peratus* [100%] ka apa jadi saya selitkan di dalam lagu-lagu lain lah.

MAH : **Pakcik boleh nyatakan apa yang beli album *tu* [itu] dengan pakcik jual dekat mana?**

OMH : Album saya bagi pengedar. Album yang tertinggi jualan dia tahun *Sembilan puluh satu* [91] dia mencapai *dua ratus ribu* [200 000] unit, *dua ratus ribu* [200 000] memang satu jualan yang tertinggi, *la ni tak* [sekarang ini tidak] boleh dapat dah. *La* [sekarang] *seratus* [100] unit pun memang *berat* [susah] lah. Zaman *la* [sekarang] zaman tanpa sempadan, orang boleh dapat dari *Youtube*

[laman sesawang video] apa kan. *La* [sekarang] lagu-lagu saya pun orang curi masuk *Youtube* [laman sesawang video]. Kelmarin saya *tengok* [lihat] pun kadang saya berasa *lagu* [macam] sakit hati juga, orang yang buat. Semua lagu saya *depa* [mereka] buat macam *depa* [mereka] punya. Kelmarin saya cari-cari ada kawan *bagitau* [beritahu], saya *search* [cari] *tengok ni* [lihat ini] lagu saya, *ni* [ini] lagu saya. Jadi macam saya kata tadi, jualan, kalau ikut jualan pertama saya capai jualan *dua ratus ribu* [200 000] kalau kita kata untung *lima* [5] ringit kita dapat *satu* [1] juta lah, tapi saya ditipu masa *tu* [itu] ada orang tipu, kawan juga, dia tipu saya sehingga *tu* [itu] lah zaman kejatuhan *tu* [itu], zaman saya jatuh teruk *tu* [itu], sebenarnya saya ditipu kerana saya percaya dekat orang walaupun album *tu* [itu] boleh *pi* [pergi] jualan mendapat *satu* [1] juta ringgit. Masa keluar album *tu* [itu] tahun *sembilan puluh satu* [91], masa *tu* [itu] Amy Search juga keluar *satu* [1] album, album saya mengatasi album dia, masa tu pengedar-pengedar kaset *bagi tau* [beritahu] Untukmu Hijau Kuning *ni* [ini], album Amy Search yang ada di rak *ni* [bahagian atas], Jadi album saya *ni* [ini] lagu-lagu saya *ni depa* [ini mereka] ambil letak diatas album Amy Search *depa* [mereka] letak dibawah. Jadi saya dah berjaya mengalahkan Amy Search, betul *ni* [ini] cerita kenyataan. Fakta.

**MAH : Kiranya pakcik dah pernah maju setapak lah kan.**

OMH : Masa *tu* [itu] pernah merasai lah. Sekarang kata ada jatuh bangun kan, pernah merasai zaman kegemilangan sampai macam *tu* [itu] lah.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

**BAHAGIAN 3: PENGALAMAN DAN SUMBANGAN**

**MAH : Kita beralih kepada latar belakang pasal pengalaman dan sumbangan. Pakcik boleh cerikan secara ringkasnya suka duka sepanjang pakcik menguruskan persembahan boria *tu* [itu] sendiri?**

OMH : Suka duka, tadi pun saya dah cerita macam sedikit kan, halangan-halangan, kawan-kawan, orang iri hati, orang dengki kan, yang *ni* [ini] membuatkan saya duka lah, *tak* [tidak] suka lah, benda-benda *tu* [itu] membuatkan saya *ni* [ini]---.Yang suka kerana saya berjaya walaupun saya kata saya tinggal *tiga* [3] tahun tapi saya berjaya hidup *balik* [semula] dengan keadaan *la ni* [sekarang ini] saya rasa macam saya bernafas balik lah orang kata serupa mati hidup kembali kerana yang saya merajuk *tu* [itu] sebenarnya silap, patutnya kita *tak* [tidak] boleh patah semangat *tak* [tidak] boleh merajuk, semua manusia ada silap. Orang seni memang cepat sensitif, cepat perasaan apa kecil hati apa semua. Jadi saya pun *tak* [tidak] boleh lari daripada benda *tu* [itu], orang-orang seni lain pun yang terkenal pun, P Ramlee [seniman tanah air Malaysia] sendiri pun ada dia pun ada masalah dia. Jadi saya juga mengalami benda-benda macam *tu* [itu] tapi *la* [sekarang] *Alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] bermakna saya suka lah. Yang duka-duka *ni* [ini] tadi *tak* [tidak] ada lah. Yang *tu* [itu] lah.

**SMH : Kiranya lagi banyak suka daripada duka lah?**

OMH : *Ha* [Ya], *tu* [itu] lah kalau banding, nampak suka lebih, yang duka *tu* [itu] hanya macam kata *tiga* [3] tahun *tu* [itu] saja. *Tuja* [Itu sahaja] *tiga* [3] tahun yang saya betul-betul tertekan, saya menyepi diri ada majlis-majlis orang buat boria saya tak

*pi* [pergi], orang cari. Orang *tau* [tahu] Omara, memang orang *mai* [datang] orang cari sampai pihak radio Pulau Pinang *depa* [mereka] ada buka di Mutiara FM ada buat *satu* [1] apa, khemah *depa* [mereka], orang *mai* [datang] orang cari radio tanya kami kenal mana satu Omara, orang radio pulak telefon saya, "ni Omara ni orang duk cari Omara ni, *mai* [datang] lah" saya kata saya tak *mau pi* [mahu pergi]. Depa kata "*La, mai* [Ala, datang] lah *ni* [ini] orang cari ramai, cikgu-cikgu apa *ni* [ini], *depa* [mereka] ingat *mai* [datang] sini ada boria tentu ada saya" tapi saya tak *pi* [pergi]. Saya sanggup duduk di rumah tapi hati *ni* [ini] nak *pi* [pergi] bila kita merajuk macam *tu* [itu] kita berasa tertekan lah. Berasa nak *pi* [pergi] tapi tak *pi* [pergi]. Orang pakai telefon, *SMS* [sistem pesanan ringkas] semua. Masa *tu* [itu] fikiran saya dah jadi macam, kerana saya *nak* [hendak] layan merajuk saya, saya tak *pi* [pergi] tapi dengan tertekan saya tapi hati saya paksa jangan *pi* [pergi], jadi benda *tu* [itu] tertekan lah. Sehingga ada *satu* [1] peringkat, saya *nak* [hendak] tukar nama saya, kalau P Ramlee [seniman tanah air malaysia] dulu dalam cerita Ibu mertuaku "*Cek* [awak] nak tukar nama apa pun *takpa* [tidak apa] asal *mau* [mahu] ikut" ada masa *tu* [itu] saya rasa nak tukar nama *tak mau* [tidak mahu] pakai nama Omara lagi dah. Saya berasa sebab nama Omara*ni* [ini] lah saya jadi macam *ni* [ini] (bunyi ketawa). Tapi apa yang benda *tu* [itu] semua berubah lah kira *mai* [datang] *dua* [2] tahun yang lepas *ni* [ini] saya bangga dengan nama Omara *balik* [semula], saya fikir dengan nama Omara lah saya naik *balik* [semula] dalam *ni* [ini].

**MAH : Pengalaman pakcik yang *tak* [tidak] pernah pakcik lupakan tu macam mana? *Tiga* [3] tahun pakcik merajuk ataupun pengalaman lain?**

OMH : Dalam boria, *ni* [ini] yang *tak* [tidak] dapat lupakan yang baik lah, yang saya kata persembahan di dataran merdeka, ada *dua* [2] sebenarnya. *Satu* [1] persembahan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur masa saya *habaq* [beritahu] tadi Georgetown diisytihar sebagai bandar warisan, saya diberi kepercayaan buat persembahan boria, satu persembahan *empat* [4] minit yang *tu* [itu] main depan Agong [Yang Dipertua Agong] depan Perdana Menteri depan semua lah diatas jalan Dataran Merdeka tu, *Tv* [televisyen] terus menerus. Ada saya masuk *youtube* [laman video atas talian], boria Omara di dataran merdeka. *Lepas tu* [selepas itu] ada lagi *satu* [1] saya *tak* [tidak] masuk lagi *youtube* [laman video atas talian] sampai *la* [sekarang], saya cari boria yang kata disitu juga boria yang *seribu* [1000] orang lebih menari diatas jalan, tukang karang saya ambil Nasier Wahab[penyanyi tanah air], boria *tu* [itu] bagi saya masa orang menari, main *tu* [itu] kerana karangan saya lagu saya kemudian boria *tu* [itu], saya yang punya, saya ingat orang sebut pula, "boria dipimpin oleh Omar Hashim, Omara" dia sebut. Masa *tu* [itu] rasa terlampau seronok lah. Kemudian yang kedua yang saya *tak* [tidak] dapat lupakan saya ingat sampai *la ni* [sekarang ini], boria saya dipilih oleh Jabatan Pulau Pinang buat, *Projection mapping* [projek pencahayaan], dia gunakan bangunan sejarah nama Town Hall, bangunan *tu depa* [itu mereka] guna lampu, dia membuatkan bangunan *tu* [itu] boleh menari, boleh runtuh, boleh jadi apa dengan menggunakan teknik lampu *ni* [ini], jadi syarikat yang terbesar *tu* [itu] untuk menguruskan *tu* [itu] pilih saya untuk boria kami yang jadi utama

untuk dengan bangunan *tu* [itu], boria dan *projection mapping* [projek pencahayaan] yang dibuat di Pulau Pinang secara besar-besaran lah. Jadi karangan boria pun saya buat, *lepas tu* [selepas itu] nak susun lampu *tu* [itu] nak bentuk apa, *depa* [mereka] percaya dekat saya walaupun saya *tak dak* [tidak ada] pengalaman, *depa mai meeting depa* [mereka datang mensyuarat mereka] terus saya bagi idea bagi skrip, saya *habaq* [beritahu] saya kata *okay* [baik] masa saya menari boria nanti nampak macam gendang-gendang macam alat-alat boria *ni* [ini] macam ada di bangunan *tu* [itu]. *Okay depa* [Baik mereka] buat lah, orang-orang, pakar-pakar yang remaja kan, pakar-pakar *ni depa* [ini mereka] akan buat. *Lepas tu* [Selepas itu], saya kata *sat* [sebentar] lagi bila kami dalam sketsa boria *tu* [itu] bila saya kata "saya *mau* [mahu] bangunan *ni* [ini] jadi bendera Malaysia". Kata-kata *tu* [itu] dia berubah jadi bendera Malaysia. Skrip saya atur dan saya seronok apa yang saya kata benda *tu* [itu] jadi, (bunyi kanak-kanak menjerit) orang menonton ramai. (bunyi kanak-kanak menjerit) Jadi seronok lah, padahal kami memang dah pakat dah atur, dah ada skrip dah kan. Jadi banyaklah sampai saya buat, masa *tu* [itu] sambut raya, kita ada apa panggil yang *duk* [ada] pasang raya, colok ka apa ka, jadi ambil yang *tu* [itu] kami berlakon sketsa *ni* [ini] kami---dia ada macam lampu *tu* [itu] banyak dah. Cucuh *satu* [1] buat-buat jalah macam orang nampak kita cucuh *satu* [1] dengan api jadi semua menyala sampai atas. Jadi kalau tengok buka dalam blog saya ada, buka dalam youtube pun ada, cari lah. Jadi yang saya seronok adalah kerana kami dan orang bagi kepercayaan *kat* [kepada] saya untuk susun benda *tu* [itu] walaupun saya bukan pakar yang *tu* [itu]. Yang *tu* [itu] orang muda punya kan tapi *depa* [mereka]

percaya *kat* [dekat] saya. *Dua* [2] benda *tu* [itu] lah yang saya *tak* [tidak] dapat lupakan sampai *la ni* [sekarang ini]. *Tak tau* [tidak tahu] lah yang ketiga *ni* [ini] apa kan, kalau ada umur lagi lah kan.

MAH : **Saya nak *tau* [tahu] kan pakcik kan, kalau macam nak pastikan boria *tu* [itu] berjaya, apa yang perlu dititikberatkan, seperti lirik ka, lagu ka?**

OMH : Boria dia memang peraturan dia *ni* [ini] kalau orang ikut baru lah dinamakan boria. Kalau *tak* [tidak] ikut benda *tu* [itu] kita *tak* [tidak] boleh sebut boria dia ada melanggar peraturan boria. Jadi untuk mengindahkan *satu* [1] persembahan boria *tu* [itu], kita kena ada persembahan sketsa, memang kena sketsa yang terbaik, bermesej. Ikut peraturan boria yang sebenar, dia bukan lakonan bukan lawak semata-mata. *Lepas tu* [selepas itu] karang tadi yang saya sebut tentang indah karang boria *ni* [ini], kalau lagu orang panggil lirik, yang *ni* [ini] kita panggil rangkap karangan. Yang *tu* [itu] pun kena susun dengan cantik apa semua, dengan lagu pun kita pilih lagu yang bersesuaian dengan boria. Faktor-faktor *ni* [ini] lah yang membuatkan boria jadi persembahan yang terbaik.

MAH : **Ada dak pakcik dengar kenyataan dari orang ramai yang boria hanya untuk orang Penang saja. Apa reaksi pakcik mengenai kenyataan ini?**

OMH : Dulu ada, *tak* [tidak] banyak. Tapi bagi saya kita buktikan, saya sendiri dengan kawan-kawan, kami dah buktikan yang boria boleh bawa kemana-mana dan la *ni* [sekarang ini] nampak *Alhamdulillah* [segala puji bagi Allah] saya nampak sekolah-sekolah rendah diseluruh Malaysia, boleh kata kebanyakan dah ada boria,

kumpulan boria sendiri kerana tiap-tiap tahun ada pertandingan boria anti dadah. *Depa* [mereka] buat boria tema dia anti dadah. Jadi nampak boria dah *pi* [pergi] ke seluruh Malaysia lah, Sabah Sarawak semua dia *pi* [pergi]. Jadi boria bagi saya dah bukan hak Pulau Pinang dah. *Lepas tu* [selepas itu] dengan saya *duk* [sedang] berjuang, walaupun dikir barat Kelantan *dah* [sudah] menguasai *tv* [televisyen], kalau kita tengok ada Karoot Komedia, *depa tu* [mereka itu] semua kawan-kawan saya, *depa* [mereka] baik dengan saya, kita tengok ada di mana-mana. Dulu Salam Pantai Timur *tv satu* [televisyen 1] pun *depa* [mereka] ada. Boria *tak dak* [tiada]. Boria *payah* [susah] kalau di *tv ni* [televisyen ini] boria masih lagi *ni* [ini]---tapi saya cuba dan hari rabu yang saya *nak pi* [hendak pergi] KL [Kuala Lumpur]*ni* [ini], saya ada *meeting* [mensyuarat] dengan RTM [Rancangan Televisyen Malaysia] hari khamis *tujuh belas* [17] haribulan untuk buat *tiga belas* [13] siri pertandingan boria antara universiti. Saya akan pilih *enam* [6] buah universiti di utara lah, saya pun *tak* [tidak] pilih lagi nanti *pi meeting* [pergi mensyuarat] dulu. Tapi benda *ni* [ini] memang jadi, akan buat rakaman dan saya dipilih menjadi pengkritik tetap dalam realiti pertandingan *tu* [itu]. Saya tiap-tiap siri saya ada, saya nanti komen yang mana silap, yang mana *ni* [ini] apa. Pengkritik tetap. Dalam pertandingan *tu* [itu] saya lebih, kira sikit-sikit masa awal pun saya kena bercakap mengenai sejarah boria.

MAH : **Pakcik tadi ada nyatakan yang pakcik ada buat rangkap karangan tu pakcik sendiri buat kan? Berapa lama pakcik nak buat satu rangkap karangan tu?**

OMH : Sebenarnya saya seorang yang *tak* [tidak] berdisiplin. *Tak* [tidak] menepati masa. Jadi kalau ada orang kata *dekat* [kepada] saya buat rangkap karangan boria. *Okay* [baik]. Saya tanya "bila *mau* [mahu]?" kata lah orang *tu* [itu] kata *tiga* [3] minggu. Saya *tak* [tidak] buat *tau* [tahu] sampai lah *last minute* [minit terakhir] orang *tu* [itu] dah nak ambil dah, barulah saya *berebut* [tergesa-gesa] saya buat. Jadi sebenarnya *tak* [tidak] elok lah perangai saya macam *ni tak* [ini tidak] elok kan tapi *tu* [itu] lah realiti saya kan. Selalu saya macam *tu* [itu], kalau orang *bagi* [beri] masa panjang penat *ja* [sahaja]. Baik jangan *bagi* [beri] saya masa panjang. Jadi pernah saya buat boria---sebenarnya saya buat rangkap boria paling cepat saya pernah buat dalam *sepuluh* [10] minit, *tu* [itu] paling cepat, yang *tu* [itu] anak saya sendiri dia belajar di Pusat Latihan Perda di Nibong Tebal. Dia telefon saya mengejut dia kata "Abah, *depa* [mereka] suruh dia buat boria. *Nak* [hendak] buat karangan boria semua *ni* [ini]." Dia *tau* [tahu] saya boleh tulis. "Abah tolong buat *sat pasai* [sekejap tentang] dadah" saya tanya lagi "bila nak pakai?" "Lagi *sepuluh* [10] minit." "Alamak *sepuluh* [10] minit, saya *duk* [ada] dalam kereta." Berhenti kereta, buat-buat hantar *satu* [1] *SMS* [sistem pesanan ringkas], tapi *tak* [tidak] banyak saya buat *lima* [5] rangkap, *sepuluh* [10] minit dapat, *tu* [itu] terus hantar sana. *Tu* [itu] terdesak, dalam terdesak boleh. *Satu* [1] lagi saya dalam perjalanan nak *pi* [pergi] ke Kuala Lumpur, masa *tu* [itu] saya *pi* [pergi] dengan bas. Selalunya orang naik bas orang nak *lena* [tidur] kan, saya *gaya nak lena* [baru hendak tidur] orang telefon. *Depa* [mereka] nak rangkap karangan boria pasal masa *tu* [itu] PM, Abdullah Haji Ahmad Badawi, *depa* [mereka] nak buat majlis sambutan dia makan malam apa, *nak* [hendak] suruh saya buat rangkap

karangan boria berkenaan tema *tu* [itu]. *Lepas tu* [Selepas itu] saya *duk* [duduk] dalam bas saya kata *tak* [tidak] apa lah nanti saya balik KL [Kuala Lumpur] saya buat. *Depa* [mereka] kata "*dak, dak* [tidak, tidak] kami *mau la* [mahu sekarang] juga" Alamak saya kata "saya *duk* [duduk] dalam bas *ni* [ini]"*Depa* [mereka] kata "kami *mau la* [mahu sekarang] juga. Omara boleh Omara boleh." Mula lah saya duduk *tu* [itu] mula saya tulis-tulis hantar SMS *satu* [sistem pesanan ringkas 1]. Siap *satu* [1] saya hantar *satu* [1]. Siap *sepuluh* [10] rangkap. Pun boleh tapi macam saya kata kalau orang *bagi* [beri] masa *kat* [kepada] saya lama, saya akan jadi lama, kalau orang kata seminggu, saya akan jadi seminggu. Kalau orang kata sebulan, sebulan saya akan siap kerana saya *tak* [tidak] disiplin masa. (sambil ketawa)

**MAH : Mengenai persembahan, *rehearsal* [latihan] buat berapa banyak kali?**

OMH : Kadang-kadang kami ada *satu* [1] boria yang kami dah buat persediaan. Boria ini kami panggil boria segera lah. Orang nak *ja* [saja] kita dah ada dah bermakna *tak* [tidak] berlatih pun kita boleh. Tapi kalau kata ada boria, yang *satu-satu* [1-1] boria yang tertentu untuk apa-apa ataupun dah lama kami *tak* [tidak] main, tiba-tiba ada *show* [persembahan] nak *mai* [datang], baru kami akan berlatih sekali *ja* [sahaja]. Dalam ambil masa *dua* [2] jam ke*tiga* [3] jam. Kira *okay* [baik] lah. Dan cerita pula sketsa boria, kami *tak* [tidak] pernah siap, *tak* [tidak] pernah sedia. Sebenarnya sampai *pi* [pergi] ke tempat naik main *tu* [itu] pun kami *tak tau* [tidak tahu] apa lagi nak buat, *tau* [tahu] tema *ja* [saja] lah kalau kita kata tema apa itu *ja* [saja] yang *tau* [tahu]. Sampai nak naik pentas lagi beberapa minit, katalah ada

acara lain *duk* [sedang] jalan, *depa* [mereka] kata *sat gi* [sebentar lagi] lagi *lima* [5] minit, boria. Masa *tu* [itu] saya suka buat kerja *last minute* [minit terakhir]. Saya suka *kalut* [sibuk]. Jadi kami panggil *dua* [2] hingga *tiga* [3] orang yang nak berlakon *ni* [ini], "okay cerita *satgi hang jadi* [sebentar lagi awak berlakon] apa?" "*Hang* [awak] jadi *ni* [ini]" "*satgi* [sebentar lagi] aku *mai* [datang] aku jadi *ni* [ini]". Itu *ja* [saja] kami *tak* [tidak] bercakap tentang lain dah. Naik-naik atas pentas dah *settle* [selesai] dah watak saya apa dia. Jadi benda *tu* [itu] akan jadi spontan, kalau kata *sepuluh* [10] minit ka *lima belas* [15] minit, ayat yang keluar sketsa semua spontan. Tapi biasanya *okay* [baik] lah. Benda *tu* [itu] penghabis sekali elok, orang pun puji. Macam hari *tu* [itu] kami main bulan *dua belas* [12] hari *tu* [itu] di Pesta Pulau Pinang, macam *tu* [itu] juga. Saya cuma pakat saya jadi pelancong Jepun yang tak *reti* [pandai] cakap melayu, tak *reti* [pandai] cakap *English* [Bahasa Inggeris]. *Lepas tu* [selepas itu] seorang jadi penyambut tetamu yang melayan pelancong *ni* [ini]. Seorang lagi jadi penasihat, maksud dia akan nasihat kawan *ni* [ini] patut jaga pelancong nak *mai* [datang] Malaysia, Pulau Pinang kita kena melayan baik-baik. Itu lah yang kami *tau* [tahu], itu *ja* [saja]. Sampai dah dekat nak main kami *tak tau* [tidak tahu] apa lagi. Tapi biasanya saya, kami lah, apa-apa kami akan berdoa dulu, sebelum buat persembahan, saya akan *duk* [duduk] diam, sebelum keluar saya ingat dalam hati lah, berdoa, "Ya allah bagilah apa yang akan aku buat *sat* [sebentar] lagi *ni* [ini] nak lawak ka nak apa ka, persembahan ka, bagi lah aku buat yang terbaik dan orang semua suka, orang terima dengan elok. Kelancaran semua." Ingatlah dalam hati. Masa *tu* [itu] kami semua diam lah. Keluar-keluar *tu* [itu] *Insyaallah* [dengan izin Allah] lah.

Kira dengan izin Allah, jadi [persembahan boria].

**SMH : Macam yang pakcik cakap tadi ada tarian kan?**

OMH : *Ha.* [Ya]

**SMH : Tarian *tu* [itu] (bunyi kertas) macam dia menari *random* [rawak] ka atau ada *step-step* [langkah-langkah] (bunyi kertas) dia.**

OMH : Ada *step* [langkah]. Boria mesti kena ada *step* [langkah]. Boria dia tetap ada dalam *dua* [2] barisan. Selain itu, dia punya gerak langkah dia tetap *duk* [duduk] di sini dia boleh ke kiri ke kanan ke depan ke belakang tapi dia masih di tempat yang sama *jugak* [juga] penghabis dia. *Kot* [macam] mana pun dia nak jadi dia bukan tarian lah. Boria berlainan dari tarian. *Okay* [baik]. *Ni* [ini] sikit saya nak tambah untuk *nak* [hendak] bagi jelas pasal boria kan. *Okay* [Baik]. Perbezaan boria dengan benda-benda lain. Boria ada---saya ambil dari mula boria ada sketsa. Macam lawak jenaka tapi dia bukan lawak jenaka sebab dia sketsa boria asing (bunyi kertas) kan. Boria dia ada penyanyi pasal tukang karang penyanyi, tapi bukan macam penyanyi (bunyi ketawa) kalau penyanyi dia tarik suara macam mendayu suara ikut alunan *ni* [ini] tapi boria *tak* [tidak]. Boria dia sebut *satu-satu* [1-1] dia macam macam, "tuan dan puan rakan semua." (sambil menyanyi) Dia macam *tu ja* [itu sahaja]. Dia *tak dak* [tiada] nak lengok-lengok, saya *tak* [tidak] pandai menyanyi pun kira boleh lah orang *dengaq* [dengar]. *Ha* [Ya], boria lah *kan* [bukan]. Boria dia macam *tu* [itu]. *Okay* [baik]. Boria ada penyanyi tapi bukan macam penyanyi *betoi* [betul]. *Okey* [baik]. Boria ada kita

kata rangkap karangan. *Ha* [ya], ada penari. Boria ada penari tapi bukan penari tarian. Sebab dia kita panggil gerak tari boria *ja* [sahaja]. Dia hanya macam *tu* [itu]. Kalau tarian dia boleh *pi* [pergi] sana sini patah balik kan. Boria bukan tarian. *Ha, lepas tu* [ya, selepas itu]. Boria dia ada rangkap karangan. Rangkap karangan dia pun bukan pantun tapi dia menyerupai syair. Yang *empat part* [4 bahagian] yang sama *tu* [itu] orang panggil maksud yang sama orang panggil syair lah. *Ha* [ya], tapi dia bukan pantun, dia bukan sajak, dia bukan apa-apa *ni* [ini]. Jadi kalau benda *ni* [ini] semua ciri-ciri *tu* [itu] ikut macam *tu* [itu], itulah boria. Jadi untuk bezakan boria dengan seni lain. Kita *tengok* [lihat] yang *tu ja*[itu sahaja]. Boria berdiri. Kalau boria *tu* [itu] duduk, dah dikir barat.

**MAH : *Lepastu* [selepas itu] pakcik ada *tak* [tidak] pelakon pelakon yang veteran yang pernah pakcik apa orang kata rapat. *Lepastu* [selepas itu] ada *tak* [tidak] pakcik berlakon dengan *depa tu* [mereka itu]?**

OMH : Ada. Macam Piee [pelawak dan pelakon veteran di Malaysia] salah seorang lah. Saya biasa main di *TV jugak* [televisyen jugak] dengan Piee di *TV Sembilan* [televisyen 9]. *Tak* [tidak] banyak sangat tapi ada. Kemudian yang lain-lain *sorang* [seorang] nama Chik [pelakon dan pelawak veteran di Malaysia] dia dulu kumpulan pelawak Pakman Telo [kumpulan pelawak veteran di Malaysia]. Dia pun bersama saya dulu tapi *ladak* [sekarang tidak] dah (bunyi muzik). *Tak* [tidak] ramai lah. Imuda [pelakon dan pelawak veteran di Malaysia]. Imuda kawan baik saya lah. Dia memang rakan karib saya. Dia pun- tadi saya *tak* [tidak] masuk nama dia yang kata antara orang yang terkenal *ni* [ini] kan. Dia pun sama.

**SMH : Macam saya *tengok* [lihat] dekat blog pakcik kan, (bunyi batuk) pakcik banyak berinteraksi dengan orang panggil apa artis-artis kat dalam Malaysia *ni* [ini] contoh macam Datuk Sharifah Aini [penyanyi veteran di Malaysia] kan. *Lepastu* [selepas itu] macam mana pakcik *kenaidepani* [mengenali mereka ini]?**

OMH : Yang *ni la* [sekarang ini] orang kata apa yang---*La* [sekarang] ada peminat *Facebook* [Laman sesawang atas talian] saya. *Satu* [1] blog [laman menulis atas talian] warisan boria. *Satu* [1] lagi blog [laman menulis atas talian] di sepanjang riwayatku. Kalau nak cari dia mamutanjung dot blogspot dot com [www.mamutanjung.blogspot.com] Dalam *tu* [itu] sebenarnya blog [laman menulis atas talian] *tu* [itu] orang paling minat. Tiap-tiap hari ada saja orang yang akan *tengok* [lihat] orang rujuk dan sebab saya banyak masuk artis-artis lama yang kawan saya. Saya *ambik* [ambil] yang kawan *ja* [sahaja]. Macam Datuk Aziz Satar [pelakon dan pelawak veteran di Malaysia]. Macam Datuk Sharifah Aini. Ramai. Kalau kira antara artis-artis terkenal tapi yang lama-lama lah. Jadi orang-orang *tu la* [itu sekarang] orang payah nak cari dah. Jadi wartawan *la* [sekarang] apabila *depa* [mereka] nak buat artikel nak buat apa *depa* [mereka] nak cari *depa* [mereka] *search* [cari] perkataan *tu* [itu] macam Sarah cari Pie. Dia dapat saya. Serupa *tu jugak* [itu juga]. Kalau orang cari. Orang nak cari Sharifah Aini [penyanyi tanah air]. Dia taip berkenaan Syarifah Aini. Memang daripada tahun---sejak saya bekerja di Kuala Lumpur tahun tujuh puluh *tiga* [73] yang saya *habaq* [bagitahu] tadi *ni* [ini], sejak saya berada di Kuala Lumpur *tau* [tahu]

lah Kuala Lumpur *ni* [ini] tempat orang-orang seni Lepas tu [selepas itu] saya *pulak* [pula] jadi masa *tu* [itu] *ha* [ya], saya *tak bagitau* [tidak beritahu] saya jadi wartawan sambilan, wartawan hiburan sambilan lah. Bila saya jadi wartawan hiburan sambilan di akhbar-akhbar dan majalah lah. Majalah-majalah terkenal akhbar terkenal, masa *tu* [itu] saya mesti lah kena berjumpa dengan artis yang ada pada masa *tu* [itu]. Masa *tu* [itu], bila saya jumpa saya jadi kawan. Macam arwah M. Sharif [penyanyi veteran irama pop yeh yeh di Malaysia] saya jadi kawan. Dan hari *ni* [ini] keluaran terbaru kalau cari akhbar buletin rakyat ada *keluaq* [dipaparkan] saya dengan apa M. Sharif. Saya selalu ada dengan Jins Samsudin [pelakon, penggiat seni, pengarah filem serta senator Malaysia] (bunyi bayi menangis) dengan apa Datuk Aziz Satar [pelakon serta pelawak veteran, pengarah filem dan penulis skrip di Malaysia]. *Ni* [ini] kalau *tengok* [lihat] [lihat] kat bawah kedai *ni* [ini] pun buletin terbaru. Kelmarin baru saya beli. Ada *gambaq* [gambar] saya ada semua *ni* [ini]. Jadi orang wartawan-wartawan banyak rujuk saya kerana orang dah *tak* [tidak] boleh dapat dah benda-benda *tu* [itu] kan tapi boleh dapat dari saya lah sebab saya berkawan dengan orang *tu* [itu].

SMH : **(Kertas berbunyi) Jadi pakcik *kenai depa ni* [mengenali mereka ini] dari wartawan sambilan lah?**

OMH : Melalui itu dan juga melalui secara *tak* [tidak] langsung macam bila saya berkawan dengan *sorang* [seorang] macam contoh saya saya terlalu baik karib dengan anak P Ramlee, Nasir arwah Nasir P Ramlee [anak kepada lagenda

Malaysia P. Ramlee]. Kira yang *tu* [itu] saya karib lah kami---kira kalau dia *mai* [datang] sini serupa lah Aziz Satar *kamai* [ke datang] sini cari saya. Anak Nasir P Ramlee. Eh anak P Ramlee memang cukup karib dengan saya. Kami bergaduh *sat* [sekejap] baik *sat pi* [sekejab pergi] sana sini apa semua *lepas tu*[selepas itu] yang mana baik *tu*[itu] kebetulan saya *ni tak tau*[ini tidak tahu] lah ada orang kata apa untuk - orang kata apa orang panggil kena *reaksi ka*[peramah ke] apa dengan-dengan artis-artis ni saya *mudah* [mendekati]. Artis lama lebih. Artis baru ada *jugak* [juga] cuma kadang-kadang saya ketinggalan macam saya kata tadi saya *tak* [tidak] menonton *tv* [televisyen] jadi saya ketinggalan saya *tak* [tidak] *kenai* [kenal] bila sampai saya paling malu saya jumpa KRU [kumpulan penyanyi di Malaysia]. Kumpulan KRU saya *tak kenai depa* [tidak mengenali mereka]. Orang semua *pakat* [sedang] ambil gambar *pakat salam*[sedang berjabat tangan] saya buat *tak reti ja tu depa* [tidak tahu sahaja itu mereka] yang *mai salam depa pasai depa*[datang berjabat tangan mereka sebab mereka] (bunyi ketawa) hairan *pasai pa* [kenapa] kawan *ni* [ini] buat *tak reti ja* [tidaktahu sahaja] lepas-lepas *depa salam* [mereka berjabat tangan] dengan saya, saya tanya masa *tu* [itu] Nasir, Nasir P Ramlee ada dengan saya dengan dia. Saya kata,"Nasir *depa ni sapa dia* [mereka ini siapa]?" Nasir kata, "Lah, *tak tau ka* [tidak tahu ke]? *Ni* [ini] KRU." KRU jadi saya *taktau* [tidak tahu]. *Lepas tu* [selepas itu] kumpulan Spring [kumpulan pop di Malaysia] ada Ameng [penyanyi utama kumpulan Spring] kumpulan Spring *tu* [itu]. Sampai dia terpaksa *habaq* [beritahu] dia *duk* [duduk] dalam dek. Saya *pi* [pergi] *tv tiga* [televisyen 3]. *Tengah* [sedang] nak muncul dalam rancangan salam *MHI* [Malaysia Hari Ini] dia *duk* [duduk] ada dalam

cermin sana. Saya *duk* [duduk] tanya, "Siapa dia saya *duk* [duduk] buat *tu* [itu]." Saya *tak* [tidak] faham. Dia duduk angkat tangan *duk ni* [macam ini] saya, "Siapadia*taktau* [tidak tahu]." Lama-lama dia angkat tulis kan tulis Spring. Dia *tu* [itu]. *Lepas tu* [selepas itu] saya pun, "paham paham paham." Jadi banyak saya jumpa. Contoh dia *ni* [ini] Lan Typewriter [penyanyi utama kumpulan muzik bebas di Malaysia]. Yang baru *ni* [ini], yang *tu* [itu] saya cukup malu sebab---saya terlibat *dua puluh* [20] siri mengiringi ---saya kumpulan muzik juga mengiringi Salleh Yaakob *show* [persembahan] *SYshow* [Salleh Yaacob persembahan] di Astro [televisyen bersatelit dan radio swasta di Malaysia]. Baru *ni* [ini] saya berlakon dengan *ha, ni* [ya, ini] saya lupa dah nama dia. *Ni* [ini] apa cerita Pertemuan Di Kaki Gunung Jerai. Ada juga saya berlakon dalam satu telemovie Ampunkan Aku Suami. Kalau cari Ampunkan Aku Suami, orang *dah tengok* [sudah menonton] hampir *dua* [2] juta. Sejuta lebih dah. Saya pun *tak tau pasai pa* [tidak tahu kenapa] yang *tu* [itu] dapat sejuta saya *ambik* [ambil] klip bahagian saya *ja* [sahaja]. Saya jadi wali, wali misteri jadi *satu* [1] pak haji tiba-tiba muncul. Saya berlakon pun saya *tak kenai* [tidak mengenali] pelakon *tu* [itu] nama – Ikram .Ada nama ikram? Saya berlakon dengan dia tu *jugak* [itu juga]. Saya *tak kenai jugak* [tidak mengenali juga] tapi saya berlakon dengan dia. (Bunyi ketawa) Dalam cerita *tu* [itu] saya nasihat dia apa semua. *Lepas tu* [selepas itu] apa, sekali saya berlakon dengan Fizz Fairuz [pelakon berbakat di Malaysia]. Kalau cari dalam *youtube* [laman web perkongsian video] cari Mencari Bidadari. Saya jadi haji saya pakai serban *tu* [itu] saya berlakon dengan Fizz Fairuz. Lari tajuk pulak.

**MAH : *Takpa* [Tidak mengapa]. Melibatkan dunia perfileman *tu* [itu].**

OMH : *Ha* [ya]. Ok. Pasal tadi kalau *tak* [tidak] tanya *tu* [itu], *takkeluaq*[tidak keluar] lah bidang yang saya buat terlibat dalam bidang lakonan, skrip drama. *Sebenaq* [sebenarnya] saya terlibat dengan skrip drama lah. Ada dalam *tv* [televisyen] baru *duk main* [sahaja ditayangkan] Chombee Anak Mamu. Skrip saya lah. Yang *ni* [ini] pun saya *duk tengah* [sedang] buat lagi. Banyak skrip yang *tengah duk* [sedang] buat. Mungkin akan buat *shooting tak* [pengambaran tidak] lama lagi Warung di Tepi Surau, *tiga belas* [13] siri. *Ha* [ya], Warung di Tepi Surau.

**SMH : Macam pakcik, pakcik kenal *tak* [tidak] Profesor Razak Mohaideen [Profesor Abdul Razak Mohaideen, pengarah filem di Malaysia]*tu* [itu]?**

OMH : Saya, sebenarnya saya *tak* [tidak] kenal. Saya *tau* [tahu] dia kerana *tau*[tahu] daripada nama tapi *tak* [tidak] pernah berjumpa dia.

**SMH : Dia lah ada buat *movie-movie* [cerita-cerita] dia ada selitkan lagu boria saya ingatkan macam dia [saling mengenali].**

OMH : *Tak* [tidak]. *Tak* [tidak] kenal. *Tu* [itu] saya ketinggalan *tu* [itu]. Dia pun mungkin *tak* [tidak] kenal saya. Kalau setengah *kot* [mungkin] orang *tau* [tahu] nama Omara. Omara dia *tau* [tahu] lah. Kalau dia *tau* [tahu]. Kalau dia *tau* [tahu] Omara. Mungkin, yang pengarah-pengarah lain banyak kenal lah. Pengarah-pengarah lain macam pengarah gerak khas *tu* [itu] Majid Salleh kawan saya. Yang *tu* [itu] kan. Saya dulu ada *jugak* [juga] arahan-arahan dia saya berlakon

*jugak* [juga] drama. Saya bukan pelakon terkenal. *Tak* [tidak] saya memang *tak* [tidak] suka. Saya takut sebenarnya saya payah nak hafal skrip tapi bermakna dalam cerita apa-apa pun saya ada sikit. Yang *tu ja* [itu sahaja]. Kalau *depa* [mereka] bagi banyak pun saya memang tolak kalau skrip panjang saya *tak* [tidak] berani pasal saya lebih suka santai macam saya kata tadi berlakon dengan cakap tanpa skrip kan bila orang bagi skrip buat kali kedua kali ketiga saya dah lupa. Baru *ni* [ini] yang berlakon cerita *ni* [ini] pun ada beberapa perkara sampai *depa* [mereka] bantu saya, saya lupa. Bila mula *dok* [duduk] perasan ingat bila orang kata *action* [berlakon] *satgi* [sekejap lagi] dia mula lah, "Allah apa dia ni". Lama-lama saya, saya *tak* [tidak] boleh. Pakat. Buat lain. Lama-lama saya malu. Malu kata nampak sangat kelemahan kita kan (bunyi ketawa).

SMH : **Pakcik dalam dunia perfileman ni pakcik ada *dak* [tidak] nak kena tipu dengan orang penerbit ka ataupun *tak* [tidak] bayar.**

OMH : *Tak* [tidak]. *Tak* [tidak] pernah dalam perfileman. Saya *jugak* [juga] pernah jadi penerbit, pengeluar lah drama *dua* [2] buah saya *keluaq* [keluar] dulu dalam tahun *sembilan belas lapan puluh lapan* [1988] dengan *sembilan puluh* [90]. Ditayangkan di TV tiga, satu [televisyen 3, 1] di TV1 [televisyen 1]. *Satu* [1] nama debu-debu tanjung. Yang *kedua* [2] namaMenebus Maruah. *Tu* [itu] saya punya. *Dua* [2] kali *ja*[sahaja] saya *keluaq lepas tu* [keluar selepas itu] saya *tak* [tidak]buat dah. Saya cuma *la* [sekarang] dengan orang. Syarikat orang. Sebab sikit saya bekerja dengan orang *tak* [tidak] buat sendiri. Dulu sendiri. Saya yang *tauke* [bos] dulu. Tapi takat *dua tu ja* [2 itu sahaja]. Sebab dia nak buat satu-satu

drama dia kos tinggi sangat. Risiko tinggi kos tinggi.

SMH : **Pakcik pernah mengarah filem ka?**

OMH : *Tak* [tidak] pernah. Mengarah *tak* [tidak] pernah langsung.

SMH : **Ada *tak* [tidak] terlintas pakcik nak rasa macam nak buat satu filem *ni* [ini] berkaitan dengan boria *ka* [ke]?**

OMH : *Ha* [ya], kalau kata lagu tu. Paling terkini *ni* [ini]. Kelmarin *SMS mai depa* [sistem pesanan ringkas datang, mereka] suruh saya buat, sebenarnya saya dah ada cerita *tu* [itu], jadi *depa mau* [mereka mahu] saya buat cerita tentang boria. Saya dah nampak dah lah cerita *tu* [itu] nak buat *dua* [2] kumpulan boria, ketua dia *ni*[ini] orang tua-tua lah *depa* [mereka] sering bergaduh berdengki antara *satu* [1] kumpuan *satu*[1] kumpulan tapi tiap-tiap kumpulan *ni sorang ni*[ini seorang ini] ada anak dara, *sorang ni* [seorang ini] ada anak teruna lelaki perempuan. *Depa dua ni pulak* [mereka 2 ini pula] berhubung sampai bercinta apa semua yang mak *bapak* [bapa] bergaduh *depa pulak duk* [mereka pula duduk] dalam kumpulan berasingan tapi *depa* [mereka] berbaik bercinta. Jadi cerita *ni* [ini] berakhir dengan *last* [akhir] sekali saya ringkaskan saja la. *Last* [akhir] sekali *depa dua ni* [mereka ber 2 ini] memaksa ibu bapa *depa* [mereka] bersatu dua-dua kumpulan boria *ni*[ini] bersatu bergabung buat *satu*[1] kumpulan boria persembahan yang terbesar, *last* [akhir] sekali. Jadi menunjukkan boria jangan bergaduh bercakaran apa semua. Semua mesti bersatu tapi kita main anak-anak *depa ni* [mereka ini] sebagai orang yang *ni* [ini] kerana bercinta ka kerana apa ka

adalah. *La* [sekarang] sayatengah nak buat yang *ni* [ini] la *tu* [itu] ada tadi penerbit baru tadi penerbit *SMS* [sistem pesanan ringkas] minta. Saya kata masa *tadak* [tiada] lagi nanti *sat* [sekejap].

MAH : **Maknanya nanti pakcik akan masukkan persembahan boria dalam lakonan *tu*[itu] semua?**

OMH : *Ha* [ya], ada dan ada lagi drama saya lah saya *dok* [duduk] tengah *dok* [duduk] buat. (batuk) Tajuk lawak lah. Cerita *ayaq sekole* [air secawan] sia*tiga* [3] tingkat, sia dulu orang bangla *dok bawak* [sedang bawa] kan. Jadi *ayaq sekole* [air secawan] *sia tiga* [mangkuk tingkat 3] tingkat. Cerita kisah mami, anak mami *ni*[ini] dalam cerita *tu* [itu] Aida [Aida Elias, pendatang baru dalam industri seni di Malaysia] yang artis saya *ni* [ini] saya akan jadikan dia salah satu watak penting *jugak* [juga]. Cerita kisah dia dan ada boria, penghabis sekali sebenarnya Aida *ni sorang* [ini seorang] dia *dok* [sedang] main boria tapi keluarga dia *tak tau* [tidaktahu]. Bapa dia penggiat boria lama tapi bapa dia nak anak dia terlibat dalam boria tapi dia *ni* [ini] anak yang muda sekali. Dia bergiat dengan tanpa pengetahuan *bapak* [bapa] dia *dok* [sedang] hairan *dok* [sedang] ingat dia *keluaq pi* [keluar pergi] mana *pi* [pergi] sana sini *dok* [selalu] *keluaq* penghabis sekali bila *bapak*[bapa] dia buat kenduri, kakak dia kahwin buat-buat, *tau-tau mai* [tahu-tahu datang] orang kata ada *mai* [datang] nak buat persembahan boria *ni*[ini], dia *mai-mai tengok* [datang-datang terlihat] anak dia yang jadi tukang karang. Aida *ni* [ini] lah. Baru *bapak* [bapa] dia nampak, "Selama *ni* [ini] aku *tak* [tidak] sangka anak aku yang aku benci *dok*[sedang] ingat *hang pi* [dia pergi]

mana *sebenaqnya hang* [sebenarnya dia] lah yang menyambungkan warisan aku *ni* [ini] sebagai boria *ni* [ini]." Tapi sampai *la tak* [sekarang tidak] habis lagi kerana saya disiplin (bunyi ketawa) disiplin *tak* [tidak] elok *tak* [tidak] siap-siap lagi pun.

SMH : **Macam pakcik tulis rangkap *lepastu* [selepas itu] buat skrip semua kan, ada penbantu *tak* [tidak]?**

OMH : *Tak dak* [tiada], sendiri. Saya suka *sorang* [seorang]. Bersendirian, saya suka duduk dalam bilik *ja* [sahaja] buat *sorang* [seorang]. Kalau *dok* [duduk] ramai-ramai *ni* [ini] orang kata buat *sat satu* [sekejap 1] rangkap karangan boria memang saya *tak* [tidak] boleh buat. Dulu biasa *pi* [pergi] di *RTM* [Rancang Televisyen Malaysia] kami *depa* [mereka] nak buat rakaman *depa* [mereka] kata,"Omara buat berkenaan *ni* [ini]"saya ambil kertas tulis *tak* [tidak] jadi. Buat *tak jadi* [tidak berhasil]. Saya kata, "T*ak* [tidak] boleh", *depa* [mereka] kata,"mana boleh Omara seorang penulis rangkap", saya kata,"*tak* [tidak] boleh tapi bagi saya *duk sorang jadi* [duduk seorang berhasil]."

MAH : **Pernah pakcik ambil rangkap orang lain, *edit* [ubahsuai]?**

OMH : Ooh, *tak* [tidak]. Saya memang *tak* [tidak] setuju sangat. Saya terutama macam--- *Okay* [Baik]. Sekolah-sekolah yang masuk pertandingan boria anti dadah *ni* [ini], semua tajuk sama tema dadah, beberapa sekolah saya ingat berbelas sekolah lah

seluruh Malaysia *depa mintak* [mereka minta] kepakaran saya menulis *depa* [mereka] bayar upah lah. Sebenarnya karangan *tu* [itu] kira karangan saya, *depa* [mereka] masuk bertanding tapi bukan saya jadi juri. Kalau saya jadi juri *tak* [tidak] baik kan, saya tulis. Semua tulis tema dadah. Tapi *pi* [pergi] cari *tengok* [di luar sana] dia *tak kan* [tidak akan] sama kalau saya buat sekolah ni [ini] sepuluh [10] rangkap pasal dadah sekolah ni *sepuluh* [ini 10] rangkap, berbelas rangkap tu *takkan* [tidak akan] sama. Pasal apa. Saya *tak mau tengok* [tidak mahu lihat] saya punya sendiri *jugak* [juga] bila saya nak buat saya *tak mau* [tidak mahu] macam contoh,"Yang *ni* [ini] hari itu aku tulis macam *ni* [ini] ambil salin *ni* [ini]", kan saya *tak* [tidak] boleh. Saya kalau buat saya kena jadi baru. Saya *tak mau* [tidak mahu] terpengaruh. Contoh, *tiga* [3] minggu lepas [selepas]---*tiga* [3] minggu lepas [selepas] saya dekliminasi sajak dengan Aida *ni* [ini]. Ada keluar *TV3* [televisyen3], pasal pesawat *MH tiga tujuh kosong* [Malaysian Hospitality370]. Sajak *depa mau* [mereka mahu] dalam *dua puluh* [20] minit. Suruh saya buat saya buat dapat *sepuluh* [10] muka surat saya buat sajak *dua* [2] jam daripada pagi nak main tengahari pukul *lapan* [8] baru saya buat. Bangkit-bangkit *tidoq* [tidur] saya buat. Sampai *sepuluh* [10] pagi siap kami berlatih, saya dengan Aida berlatih dalam kereta sambil dalam perjalanan *dok pi tu* [sedang pergi itu] kami berlatih, terus buat dekliminasi sajak memang semua orang kata terbaik lah tu ada *TV3* [televisyen 3] ambil *ni* [ini]. Masuk berita apa semua kan. *Lepas tu* [selepasitu] apa *ni* [ini] kait dengan soalan tadi? *Ha* [ya], *dua* [2] jam saya nak buat. Isteri saya kata--- Saya kata, "alamak *macam mana* [bagaimana] cerita nak buat *ni* [ini]," saya *tak* [tidak] berapa nak mengikuti berita yang *MH*

*tiga tujuh kosong* [Malaysian Hospitality 370]. Saya cuma *tau* [tahu] dia hilang apa sebenar-benarnya *tu* [itu] saya *tak* [tidak] ikut berita pun saya *tak tengok* [tidak menonton]. Memang *tak* [tidak] boleh, jangan ikut lah. Jangan contoh saya. Saya *taktau* [tidak tahu]. *Lepas tu bini* [selepas itu isteri] saya marah lah. Dia kata, "*Tu* lah. *Tak* [tidak] ambil *tau* [tahu]. Orang semua, budak-budak pun ambil *tau macam mana* [tahu bagaimana] nak tulis," kita nak tulis sajak dalam untuk *duapuluh* [20] minit punya *ni* [ini] dengan bahan *tadak* [tiada]. *Lepastu* [selepas itu] dia kata,"tengok [lihat] lah orang apa yang orang buat,"bini [isteri] saya lah kata,"*cedok-cedok*[ambil-ambil] lah ambil." Saya kata, "*Tak-tak* [tidak-tidak], saya *tak* [tidak] boleh *lagu tu* [seperti itu]." Memang saya *tak mau* [tidak mahu] terpengaruh dengan siapa pun jadi Alhamdulillah lah saya *duk* [duduk] depan komputer tu saya fikir saya buat ikut ada susunan lah saya buat. Dalam *dua* [2] jam selesai. Selesai saya *pi* [pergi] kat *bini* [isteri] saya saya kata,"Seronok. Alhamdulillah." "*Pasaipa* [kenapa]."*Jadi* [berhasil] dah. Dengan *tak mencedok tak* [tidak mengambil tidak] apa dengan saya *tak dak* [tiada] bahan saya pakai khayalan saya sendiri lah. Benda-benda *tu* [itu] betul, sampai di sana, masa nak buat persembahan *tu*[itu], pihak *TV3 mintak depa* [televisyen 3 minta mereka] pun pasal benda *tu* [itu] mengejut sepatutnya *depa* [mereka] kena *check* [periksa] dari awal *depa* [mereka] minta, saya bagi. *Depa* [mereka] ambil dalam berapa minit *tak tau* [tidak tahu], *depa pi tengok mereka* [mereka pergi membacamereka] takut ada fakta yang *tak* [tidak] kena kan, lama-lama *depa* [mereka] kata, "Ok, boleh. *Sat* [sekejap] lagi buat *ja [sahaja]*. Buat *ja* [sahaja]." Jadi macam soalan tadi saya suka *tengok* [lihat] orang punya, meniru, *cedok ka* [ambil ke] memang

saya *tak* [tidak] suka. Saya *tak* [tidak] suka juga orang ambil hak saya punya juga. Kerana saya pernah jadi juri pertandingan boria peringkat kanak-kanak saya *tak* [tidak] sangka masa *tu* [itu] saya jadi juri *tu* [itu] saya jaga bahagian rangkap karangan *dok* [sedang] ada *tiga* [3] kumpulan *dok* [sedang] ambil rangkap karangan saya *depa* [mereka] ambil benda contohnya mungkin boria *tu keluaq* [itu disiarkan di] radio. *Depa record depa* [mereka rakam mereka] salin mungkin boria *tu* [itu] ada di mana saya *tak tau* [tidak tahu] lah tapi bila saya dengar kan *ni* [ini] saya punya. Kita kenal kan sebab ayat-ayat kita tulis cara kita kan ayat-ayat kita, kita kenal *sat* [sekejap] lagi kumpulan lain *pulak* [pula], *ni* [ini] saya punya lagi. *Lepastu* [selepas itu] tiga-tiga *tu* [itu] saya bagi kalah. Saya *tak* [tidak] bagi menang kerana *depa* [mereka] tipu *dah* [sudah] lah. Pasal saya *tau* [tahu] saya punya kalau saya *tak tau [tidak tahu]* saya punya *tak pa* [tidak mengapa]. *Ha* [ya]. Jadi sehingga macam *tu* [itu] lah ada orang ambil saya punya. Saya *tak kan* [tidak akan] ambil orang punya walaupun apa pun.

**MAH : Ada *tak* [tidak] macam waktu lapang pakcik kan, pakcik buat rangkap pasal isu-isu semasa?**

OMH : Saya saja *tak* [tidak] buat kecuali orang nak macam baru *ni* [ini] radio klasik di *KL* [Kuala Lumpur] *depa* [mereka] nak *sepuluh*[10] boria. Isu semasa dengan kisah masyarakat apa benda macam contoh dia pelancongan, jiran tetangga, lagi apa, *depa* [mereka] suruh saya buat, saya buat. Saya buat lah *sepuluh* [10] boria dulu pun ada dah, *ni depa* [ini mereka] kata mungkin nak buat rakaman lagi jadi saya buatlah. Tapi kalau macam saya kata tadi lah kalau orang *tak* [tidak] desak

*tak* [tidak] suruh *tak* [tidak] paksa saya *tak* [tidak] jadi. Yang buku dewan bahasa pun kalau betul-betul orang *mai duk* [datang duduk] depan saya paksa *la* [sekarang] kena buat *gak* [juga], *besok* [esok] kena bagi. Saya ingat balik malam *ni* [ini] saya buat *jadipa* [berhasil apa]. (Bunyi ketawa) dia kena desak.

SMH : **Dalam buku dewan bahasa *tu* [itu] semua pakcik cerita tentang boria lah?**

OMH : *Ha* [ya], sejarah boria. Boria dari asal usul sampai boria sekarang lah. *Tu* [itu] saya buat *jugak* [juga] di hujung *tu* [itu] soalan-soalan yang mana, macam orang tanya saya jawab soalan saya bagi. Contohnya. "Boleh kah boria dimainkan dengan cara menari?" Contoh lah kan, saya jawab. "Sebenarnya boria *tak* [tidak] boleh sebab dia macam *ni* [ini]"Jadi saya buat lah, soalan jawapan. Soalan jawapan. Di hujung *tu* [itu].

SMH : **Persembahan pakcik depan orang ramai?**

OMH : Yang *tu* [itu], yang darjah *empat* [4] *tu* [itu]. Yang *tu* [itu] lah depan orang ramai.

SMH : **Itu lah *first* [pertama] boria pakcik persembahkan?**

OMH : Ya. (Bunyi batuk) *lepastu* [selepas itu], saya ada satu kelemahan lagi. Sebab --- (Bunyi batuk) selalu orang cerita kebaikan kelemahan orang sorok kan tapi saya cerita sebenarnya saya ada darah gemuruh. *Tak* [tidak] boleh berhadapan dengan penonton. Masa budak-budak boleh. Masa *mai* [datang] remaja peringkat dewasa, kalau orang bagi *mic* [mikrofon] saya *tak* [tidak] boleh cakap, saya cakap ketar. Ada *satu* [1] peringkat saya memang *tak* [tidak] boleh cakap lah. Kalau memang

tolak sampai dalam rancangan *MHI* [Malaysia Hari Ini] *TV3* [televisyen 3] masa *tu* [itu] Aziz Desa [pengacara popular di kaca televisyen] jadi pengacara buat terus menerus di *KL* [Kuala Lumpur]. (Bunyi mesin)Masa sambut ulang tahun tahun baru, *lepastu* [selepas itu] Aziz Desa *mai* [datang] *kat* saya. Dia kawan saya juga. Dia *mai* [datang] dia kata, "Omara *sat* [sebentar] lagi di akhir rancangan *sat* [sebentar] lagi saya nak temuramah." Saya duduk tepi *VIP* [Orang Sangat Berkepentingan] lah. Duduk di tepi Dr Fadhilah Kamsah [penceramah motivasi terkenal di Malaysia], Menteri Besar Johor, apa nama Ghani Othman [Dato' Haji Abdul Ghani Bin Othman] saya duduk dengan semua meja *VIP* [Orang Sangat Berkepentingan]. Saya *sorang duk* [seorang duduk] sinikan. *Lepastu* [selepas itu] dia kata *sat gi* [sebentar lagi] dia akan temuramah *sorang-sorang* [seorang-seorang] suruh *bagitau* [beritahu] apa azam tahun baru apa nak buat dari segi masing-masing tahun baru. Masa *ni* [ini] dia cerita, "Omara nak buat apa *ka* [ke] percuma. Keluar *tv* [televisyen] kita boleh cakap terus menerus percuma kan." Bagus lah kalau orang nak kena bayar. Dia kata-kata macam *tu* [itu]. Saya dah mula, "Alamak, sat [sebentar] lagi dia *mai* [datang] tanyamacamana saya nak cakap. *Ni* [ini] keluar *tv* [televisyen] terus menerus." Saya--- dalam *tu* [itu] berhenti iklan. Bila masa berhenti iklan Aziz Desa masuk *toilet* [tandas] saya nampak dia masuk *toilet* [tandas] sini ada selingan iklan kan masa *tu* [itu]saya lari, lari-lari saya kata, "Aziz *sat*[sebentar] lagi boleh *tak* [tidak]tanya semua orang dekat saya jangan tanya." "Eh, *pasai pa pulak* [kenapa pula]?" Saya kata, "saya *tak* [tidak] boleh cakap nanti *sat*[sebentar] lagi saya *ketaq* [ketar].""Apa lah Omara, orang nak bagi *free* [percuma] macam *ni* [ini] ingat senang *ka* [ke] dapat

peluang macam *ni* [ini]?" "*Tak* [tidak], tolong Aziz, saya *tak reti* [tidak pandai] cakap." "*Tak* [tidak] apa, kalau *tak* [tidak] mahu cakap *tak* [tidak] apalah." Dia cakap *sorang-sorang mai tang* [seorang-seorang datang dekat] saya dia *pi* [pergi] kat orang lain. Sampai macam *tu* [itu] saya punya takut *Lepastu* [selepas itu] sampai naik pentas memang saya *tak* [tidak] berani kalau ingat silap-silap kalau kita bercakap macam ramai *ni* [ini] orang bagi soalan-soalan pun mungkin ketar saya *tak* [tidak] boleh jawab. Masa dulu lah tahun *duaribulimani* [2005 ini] baru. *La dua ribu lima belas* [sekarang 2015], *sepuluh* [10] tahun dalam *sepuluh* [10] tahun *ni* [ini] lah saya, orang *suamic* [hulurkan mikrofon] saya kata *tiga* [3] jam saya boleh bercakap saya jadi ketagih nak bercakap *pulak tak* [pula tidak] takut dah. Naik atas pentas terus menerus *katv ka* [ke televisyenke] depan khalayak ramai depan orang berapa ribu pun saya boleh terus begitu *ja*[sahaja] punca dia, (bunyi batuk) kawan saya *sorang*[seorang] nama pelakon sketsa boria nama Abu Bakar Kassim. Dia yang paksa saya. Dia panggil Omar ja [sahaja]. Dia kata, "Omar boleh." Saya kata,"*tak* [tidak]Bakar. Saya *tak* [tidak] boleh." "Dia kata *tak* [tidak] Omar boleh. Omar boleh buat." Dia kata, "Jangan kata *tak* [tidak] boleh." Jadi saya mula dalam satu pertandingan boria saya berlakon sketsa. Saya penting saya jadi penasihat dalam cerita *tu* [itu]. Kalau saya *tak* [tidak] keluar bahagian saya kumpulan *tu out* [itu terkeluar], cerita *tu* [itu] teruk lah. *Tak dak* [tidak]betul kan. Bila buat persembahan *mic* [mikrofon] bagi sorang-sorang *satu cordless mic* [1 mikrofon tanpa wayar] pegang. *Depa* [mereka] keluar dulu saya nak kena keluar kemudian. Saya *dok* [sedang] ikut. Saya *dok* [sedang] fikir nak lari saya memang *tak mau* [tidak mahu] naik atas pentas dah. Sini saya *dok* [sedang]

macam macam *ni* [ini]. "Ya Allah macam mana *ni* [ini]" tapi Bakar kata Omar boleh kan tapi saya kata *tak* [tidak] boleh macam mana *ketaqtu* [terketar itu]. Bila *depa* [mereka] cakap-cakap bila *mai part* [datang bahagian] saya kena masuk, saya masuk *jugak* [juga]. Saya fikir alamak kalau *tak* [tidak] masuk --- gagah. Masuk-masuk *tu* [itu] tiba-tiba saya berubah, saya jadi seorang yang berani *tak ketaq* [tidak gemuruh] dah saya boleh cakap dan makan masa lama *pulak*[pula] dan kumpulan kami menang pelakon skestsa terbaik daripada yang saya penakut tadi.(bunyi mesin angin sepanjang rakaman)

**TAMAT BAHAGIAN 3**

**BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN**

**MAH : Sekarang *ni* [ini] bahagian yang terakhir dah pencapaian pakcik dalam bidang boria *ni* [ini]. Ingat nak tanya pakcik, pakcik *ni* [ini] pernah *tak* [tidak] menyertai persembahan boria *ni* [ini] di luar Negara ataupun luar negeri Pulau Pinang?**

OMH : *Luaq* [luar] negeri Pulau Pinang ada. Tapi *luaq* [luar] negara belum. Belum kerana saya tolak, saya *tak pi* [tidak pergi]. Sebabkan kesibukan nak kena *pi* [pergi] macam hari *tu* [itu] negeri China, *Lepastu* [selepas itu] di Riau, Indonesia. Semua saya tolak kerana saya sibuk.

**MAH : Sampai ke hari *ni* [ini] kan pakcik ingat *tak* [tidak] berapa persembahan yang pakcik uruskan?**

OMH : Banyak. *Tak* [tidak] boleh ingat. Tapi saya hanya boleh katakan banyak *ni* [ini] dekat ratus *jugak* [juga] lah. Bukan ribu lah ratus. (Bunyi ketawa) saya *tak* [tidak] ingat.

**MAH : Pakcik, sepanjang pakcik dalam boria *ni* [ini] kan ada *tak* [tidak] pakcik buat persembahan amal, khusus kira orang kata percuma orang kata *tak dak* [tiada] bayaran?**

OMH : Ada, *la* [sekarang] memang semua persembahan saya ambil bayaran. Orang-orang yang main semua kena bayar. (Bunyi kertas) Tapi kalau ada satu orang minta betul-betul atas amal dan ahli-ahli saya semua setuju kata benda *tu tak pa* [itu tidak mengapa] kami buat lah. *Tak* [tidak] banyak lah. *Tak* [tidak] banyak.

**MAH : Selalu yang paling terdekat boria *ni* [ini] yang pakcik pernah buat ataupun yang akan datang, tarikh dia, yang pernah?**

OMH : Ok. Yang paling terdekat. Dah setuju dan baru *lepas meeting* [selepas mesyuarat], bulan – bulan *lapan* [8] baru *meeting* [mesyuarat]. Saya lupa tarikh. *Sepuluh* [10] kumpulan boria termasuk kumpulan saya yang *ni* [ini] anjuran *JKKN*[Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] yang dulu saya kata merajuk kat *depa* [mereka] kan. *Ni* [ini] lah *depa* [mereka] panggil balik. *Ni* [ini] kali pertama. *Depa* [mereka] panggil dan saya pun *pi* [pergi] lah. Panggil *meeting* [mensyuarat] saya *pi* [pergi]. *Lepasni* [selepas ini] saya nanti *SMS* [system pesanan ringkas] tarikh yang sebenar saya lupa saya *tak* [tidak] catit. Ada dalam di rumah, *dua* [2] hari buat di Padang Kota [salah sebuah tempat pelancongan di Pulau Pinang. Yang *ni* [ini] elok *pitengok* [pergi menonton] sebab ada *sepuluh* [10] kumpulan boria hari pertama hari sabtu malam *tu* [itu] buat *rehearsel* [latihan] dengan penuh hari ahad persembahan betul. Benda yang sama *jugak* [juga]. Tapi saya cadangkan kepada *sapa* [siapa] yang *mai* [datang] jumpa saya itu lah kalau nak *tengok* [lihat] yang terdekat yang dah *comfirm* [pasti]. Kadang-kadang ada benda lain yang *tak* [tidak] sangka ada. Mungkin lagi seminggu orang panggil pun ada. Ada orang panggil mengejut esok nak main hari *ni* [ini] panggil pun ada *jugak* [juga]. *Ha* [ya], *tu* [itu] yang terdekat lah.

**SMH : Sepanjang pakcik terlibat dalam boria *ni* [ini] ada *tak* [tidak] pertandingan**

**yang pakcik pernah menang?**

OMH : Ada. Yang macam tadi *tu* [itu] yang saya dapat pelakon sketsa terbaik. Tapi *tak* [tidak] banyak. Kerana saya jarang duduk di pentas. Saya banyak duduk di latar belakang.

**MAH : *Tu* [itu] pakcik tadi kata kira ada pakcik macam pakcik buat *rehearsal* [persediaan] macam kalau orang _kira pakcik akan buat *satu*[1] persembahan kan pakcik buat persembahan *tu* [itu] kat mana? Persembahan (batuk) yang kata *rehearsal tu*[persediaan itu].**

OMH : *Rehearsal* [persediaan] kami ada sewa dewan di Seberang Jaya di Semilang kami ada dewan. Kami sewa lah. (Bunyi batuk).

**MAH : Kirapakcik sekarang dah jadi pengurus pasukan boria pakcik sendiri *lepastu* [selepas itu] apa pencapaian yang pernah pakcik dapat, dari peringkat sekolah, peringkat negeri, peringkat kebangsaan?**

OMH : Saya pernah dapat tawaran Jabatan Warisan Negara pernah nak bagi saya jadi tokoh dia panggil tokoh warisan hidup bahagian boria. Tapi saya tolak. Dalam *tu depa* [itu mereka] kata *depa* [mereka] akan bagi duit dalam bentuk *tiga puluh ribu* [30,000], persalinan, bagi kemudahan macam-macam pengangkutan apa semua kat saya. Saya jadi *satu* [1] tokoh peringkat Negara lah. Ketua Pengarah Warisan Negara *mai* [datang] jumpa saya di sini. Tapi saya tolak. Tapi saya *tak* [tidak] *mau* [mahu] semua *tu* [itu] sebab saya nampak saya ada musuh-musuh saya yang kalau saya dapat yang *tu* [itu] orang-orang yang *tak* [tidak] suka kat

saya lagi bertambah *tak* [tidak] suka *depa* [mereka] geram. Saya berjuang tanpa kira kadang-kadang rugi duit ringgit pun ada. Memang saya berjuang memang saya pertahankan boria sampai ke *tv* [televisyen] ka apa saya cuba nak *bawak* [bawa]. Macam mana nak dapat. *Pimeeting* [pergi mesyuarat] kan, semua saya bawa keluar duit saya sendiri tapi saya nak boria masuk sama dalam *tv* [televisyen] bagi saya yang *ni* [ini] lah perjuangan. *Pasai* [pasal] kira pencapaian saya yang apa yang saya buat *ni* [ini] benda *ni* [ini] jadi terbaik saya capai lah. (Bunyi kerusi)

**MAH : Pakcik ada *tak* [tidak] mengatur persembahan untuk orang kenamaan?**

OMH : Ada. Macam contoh kata tadi lah. Main depan Yang Dipertuan Agong [Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah], (bunyi kerusi) depan Perdana Menteri [Dato' Sri Haji Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak], (bunyi kerusi) depan *VIP-VIP* [Orang Sangat Berkepentingan] (bunyi kerusi) depan --- masa di Pulau Pinang dulu Yang Dipertuan Negeri [Tun Dato' Seri Utama Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas]. Ada. (Bunyi batuk)

**MAH : *Tu* [itu] berapa kali pakcik menguruskan apa persembahan untuk pelancong pelancong *luaq* [luar] Negara yang datang ke Pulau Pinang?**

OMH : Ada. Berapa kali *tak* [tidak] ingat tapi ada lah. Banyak *jugak* [juga]. Ada banyak

*jugak* [juga]. Dan biasa main di hadapan pelan- bukan pelancong pelajar Jepun dari Hiroshima. *Depa* [mereka] pelajar Jepun. *Depa tak* [mereka tidak] faham bahasa melayu langsung dan boria *pulak* [pula] kami kena main dalam bahasa melayu. Tapi yang seronoknya *depa* [mereka] boleh bunyi ketawa. Saya jadi Jepun lah. Saya jadi Jepun. Macam cakap *dua* [2] *tiga* [3] patah. Saya pun *belajaq* [belajar] masa *tu belajaq* [itu belajar] secara mengejut lah. Kalau diri kita *watashi* [saya] banyak apa banyak saya lupa dah. Masa *tu* [itu] saya ingat lah. Saya buat cakap lebih kurang. Saya *keluaq* [keluar] perkataan Doraemon [kartun animasi Jepun]. Saya pun *keluaq jugak* [keluarjuga] nak bagi *depa* [mereka] bunyi ketawa kan. Saya *bukak* [buka] lagu *depa* [mereka] kata dalam masa bercakap *tu* [itu] *depa bawak* [mereka bawa] lagu apa *ni* [ini] saya *bukak-bukak* [buka-buka] lagu Doraemon [kartun animasi Jepun]. Bagi *mic* [mikrofon] tepi *ni* [ini] kan. *Depa* [mereka] pakat bunyi ketawa habis. Jadi biasa lah main. Sampai *depa* [mereka] nak balik pelancong Jepun *ni satu* [ini 1] bas, (bunyi budak bercakap) *ni* [ini] dia *duk* [sedang] lambai tangan *ni* [ini]. *Depa* [mereka] seronok. Ambil *gambaq* [gambar] semua *ni* [ini] lah. Kira berjaya lah*kut* [mungkin] kan.

MAH : **Kira reaksi penonton *tu* [itu] kira pakcik kata – *ni* [ini] menghiburkan lah?**

OMH : *Ha* [ya]. Dan kira *satu* [1] persembahan yang paling mendapat sambutan di Pahang. Di Kuantan kami buat boria di Kuantan. *Tak* [tidak] sangka orang Pahang *ni* [ini] kita ingat *tak* [tidak] suka boria dan *tak* [tidak] pandai loghat

utara. Tapi *depa* [mereka] punya minat, habis main *depa* [mereka] kata nak lagi kami nak boria. Di sini *tak dak sapa* [tiada siapa] pun bila dah habis boria kata nak lagi tau. Depa [mereka] orang Kuantan *depa* [mereka] nak lagi. *Lepastu* [selepas itu] kami yang pelakon---adik saya pelakon skesta boria dia pakai *pompuan* [perempuan]. Jadi bila masa nak balik *tu* [itu] di belakang pentas *tu* [itu] dia *tukaq* [tukar] balik pakaian jadi *laki* [lelaki], *depa duk* [mereka sedang] tunggudia *ni* [ini]. *Depa tak* [mereka tidak] jumpa dia lalu depan *depa ni* [mereka ini]. Dia lah. *Depa duk* [mereka sedang] tunggu. Sampai sudah *depa* [mereka] hairan mana hilang makcik tadi. Makcik yang berlakon tadi. *Padahai* [walhal] dia lah. *Depa* [mereka] punya minat. Yang *tu* [itu] saya kata yang paling kemuncak kan yang dapat sambutan paling hebat itu lah di Kuantan.

MAH : **Pada pendapat pakcik kan, persembahan boria *ni* [ini] kan, patut *tak* [tidak] jadi orang kata seni warisan kepada rakyat Malaysia?**

OMH : Kalau rakyat Malaysia saya *tak* [tidak] berani kata kerana mungkin orang-orang lain ada citarasa sendiri. Mungkin orang Johor *depa* [mereka] pertahankan ghazal *depa* [mereka] kan. Mungkin orang Kelantan tetap dengan dikir barat *depa tak kan* [mereka tidak akan] nak *ni* [ini] kan. Jadi bagi saya nak kata jadi ke Malaysia *ni* [ini] saya tak [tidak] berani kata tapi kalau boleh saya *mau* [mahu] macam *tu* [itu] lah. Saya ikut diri saya saya nak sampai peringkat macam *tu* [itu] lah.

MAH : **Ada *tak* [tidak] pakcik buat persembahan *lepas tu* [selepas itu] dibukukan oleh orang-orang yang *ni* [ini] kan, ada *tak* [tidak]?**

OMH : *Taktau* [tidak tahu]. Cara orang sebut berdepan *ni tak dak* [ini tiada] tapi kot [mungkin] orang buat yang tanpa saya tau, taktau [tidak tahu] lah.

MAH : **Pakcik. Masa pakcik menguruskan pasukan boria *ni* [ini] kan ada *tak* [tidak] macam dokumentari ataupun orang-orang televisyen yang datang menemubual pakcik**

OMH : Ada. *Sebenaqnya* [sebenarnya], yang *tu* [itu] pun ada yang *tu* [itu] banyak. Memang banyak lah. Kalau dalam *tv* [televisyen] yang pihak *depa* [mereka] buat temuramah saya buat dokumentari *tu* [itu] banyak. Baru *ni* [ini] ada *keluaq* [keluar] di *tv RTM* [televisyen Rancangan Televisyen Malaysia]. Tapi ada *satu* [1] saya sendiri dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, kami dah terbit *DVD* [cakera padat] boria, seni persembahan boria dalam tahun *lapanpuluh* [80] — dalam *tahunduaribulapan* [2008]. *Lani* [sekarang ini] saya pun *duk* [sedang] jual *jugak* [juga] saya bantu Dewan Bahasa tolong jual dan dekat Dewan Bahasa di *KL* [Kuala Lumpur] atau Dewan Bahasa mana boleh cari (bunyi telefon). Dia tulis *DVD* [cakera padat] seni persembahan boria. Dia ada *dua* [2] *disk* [cakera]. *Satu* [1] dokumentari. Skrip saya buat. Saya pun ada dalam *tu jugak* [itu juga] terlibat. Jadi *satu* [1] dokumentari (bunyi telefon) selama sejam. Dari asal usul boria sampai boria *la ni* [sekarang ini]. *Satu* [1] lagi persembahan boria ada *tujuh* [7] persembahan boria. Boria zaman dulu boria asli. Kami lakonkan semula dengan boria baru. *Ha* [ya], jadi kalau orang dapat *DVD* [cakera padat]

*tu* [itu] memang lengkap lah tentang boria *ni* [ini] kira lengkap. Yang *tu* [itu] Dewan Bahasa bagi saya menguruskan penerbitan *tu* [itu]. Kami buat selama setahun lebih.

MAH : **Jadi pakcik, selain kami ni [ini] kan, kami penyelidik kan, ada tak [tidak] lagi penyelidik yang datang apa orang kata menemubual pakcik?**

OMH : Ada. Banyak. Dan orang kata *tak* [tidak] putus-putus lah. Biasanya semua golongan ini lah. Golongan pelajar. Dari seluruh Malaysia. Ada yang macam dari apa nama universiti di Bangi. *UKM* [Univerisiti Kebangsaan Malaysia] *depa mai satu* [mereka datang 1] kereta (bunyi telefon) saya ingat *depa mai* [mereka datang] nak *pi* [pergi] jalan mana-mana kan. *Depa* [mereka] kata *depa mai* [mereka datang] memang nak jumpa saya habis *tu depa* [itu mereka] balik. Ada. *Lepastu* [selepas itu] dari *UPSI* [Universiti Pendidikan Sultan Idris], Tanjung Malim kan. *UPSI depa mai satu* [Universiti Pendidikan Sultan Idris mereka datang 1] bas. *Depa mai-mai* [mereka datang-datang] jumpa *tang ni* [dekat ini] lah. Masa *tu* [itu] kami jumpa kat hujung *tu* [itu].*Ni* [ini] _ _ yang duduk kerusi sana duduk *ni* [ini] kan ramai. *Depa tu* [mereka itu] cukup meriah *depa* [mereka] seronok *betoi-betoi* [sungguh-sungguh]. Sampai *depa* [mereka] nak balik, alat-alat muzik saya *bawak time tu dok* [bawa masa itu berada] ada dalam kereta *depa ambik depa* [mereka ambil mereka] main apa semua *ambikgambaq* [tangkap gambar] di bawah. Jadi ada yang *mai* [datang] ramai ada yang dari Sarawak. *UNIMAP* [Universiti Malaysia Perlis]. Eh, bukan, Sarawak *UNIMAS* [Universiti Malaysia Sarawak]. *UNIMAS* [Universiti Malaysia

Sarawak]. *Lepastu* [selepas itu] saya *jugak* [juga]. *Ha* [ya] tadi *tak* [tidak] sebut. Saya *jugak mengajaq* [juga mengajar] boria macam di *UNIMAP* [Universiti Malaysia Perlis].*UUM* [Universiti Utara Malaysia], *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] —kira peringkat universiti lah dan *lani*[sekarang ini] saya jadi pensyarah boria dalam Kolej Komuniti Tasek Gelugor. Tiap-tiap---bermula tahun *lepas* [selepas] lah. *Ha* [ya], saya jadi pensyarah boria. Jadi yang saya seronok. Saya *ni* [ini] dulu *belajaq* [belajar] *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia]. Tadi *tak* [tidak] tanya kan saya lulus apa. Saya hanya setakat *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] saja. Jadi pelajaran saya teruk lah kan. (Bunyi ketawa) *tak* [tidak] lah elok apa pun. Tapi saya berasa seronok bangga lah *jugak* [juga] saya dapat masuk *mengajaq* [mengajar] dalam kuliah. Saya *pulak* [pula] orang panggil pensyarah kan. Jadi yang *belajaq* [belajar] semua pelajar-pelajar taraf yang tinggi lah. Saya dulu takat *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] ja kan. Saya boleh lah *gempaq-gempaq* [hebat-hebatkan] kan. *Ha* [ya], jadi saya seronok. *Depa* [mereka] pun bagus, bila saya *pi* [pergi] ja kan. Bila *mai* [datang] giliran saya *pi* [pergi] orang lain pun *mengajaq jugak* [mengajar juga]. Tapi bila- bila giliran saya *depa* [mereka] seronok.

SMH : **Macam pakcik sendirikan, ada *join* [menyertai] persatuan persatuan yang dalam Malaysia contoh macam kita *Penang* [Pulau Pinang] ada persatuan anak *Penang* [Pulau Pinang], ada *tak* [tidak] macam *tu* [itu]?**

OMH : Saya ada masuk dalam persatuan – saya ahli jawatankuasa persatuan nama PEMENANG, PEMENANG Persatuan Kesenian Melayu Pulau Pinang. Saya

ahli jawatankuasa. *Ni* [ini] pun kami ada *dok* [sedang] mesyuarat untuk buat persembahan boria *jugak* [juga]. Mungkin bulan *tujuh* [7] tapi *tu* [itu] saya *takhabaq* [tidak beritahu] lagi pasal *tak* [tidak] dapat keputusan tepat lagi. Nak buat *dua* [2] hari boria yang agak *besaq jugak*[besar juga]. Saya jadi ahli jawatankuasa. Selain daripada *tu* [itu], *sebenaqnya* [sebenarnya] saya *tak* [tidak] suka berpersatuan lah. Yang *ni* [ini] pun cara terpaksa orang suruh masuk saya masuk. Sebenarnya saya *tak* [tidak] suka tapi yang paling terbaru --- yang *ni* [ini] lah*geng* [kumpulan] dikir barat Karoot Komedia [salah satu rancangan di Astro] punya *ni depa* [ini mereka] nak lantik saya kira duduk di jawatankuasa penaja untuk tubuh persatuan seni budaya peringkat dia lah.Jadi *depa* [mereka] nak lantik saya jadi peringkat tinggi *jugak depa* [jugamereka] kata. Saya sebenarnya *tak* [tidak] suka lah *tak mau* [tidak mahu] tapi saya nak tolak pun, rasa orang dah pilih kita kan (bunyi batuk) kalau jadi kami nak mesyuarat *tak* [tidak] lama lagi. Kalau jadi *tu* [itu] saya akan berada di peringkat tertinggi *jugak* [juga] lah. Mungkin esok kalau baca di mana-mana *depa* [mereka] tulis ada Omar Hashim ka Omara ka *tu* [itu] mungkin benda *ni* [ini] dah jadi lah. Tapi *sebenaqnya* [sebenarnya] saya *tak* [tidak] suka berpersatuan. Saya *tak* [tidak] suka kerana selalunya pergaduhan berlaku dalam persatuan. Berebut-rebut jawatan akan jadi yang - saya benda *tu* [itu] saya *tak* [tidak] suka. (Bunyi batuk) saya suka benda *tak dak* [tiada]. Saya orang *tak ambik* [tidak ambil] saya pun saya *takapa* [tidak mengapa]. Kalau saya nak bergiat, saya bergiat. Dan ada persatuan yang saya dah mula *tinggai* [keluar] dah. Dulu saya *duk pi la* [selalu pergi sekarang] saya *tak pi* [tidak pergi] dah macam persatuan penulis. Bila saya

nampak berasa macam hati *tak* [tidak] berapa seronok *ha* [ya] saya *tinggai* [keluar].

SMH : **Boria sendiri ada lah persatuan dia?**

OMH : Persatuan boria dari dulu *tak* [tidak] boleh ditubuhkan. Bila tubuh selalu akan jadi masalah. *Sebenaqnya* [sebenarnya] boria suka bergaduh. Orang boria suka bergaduh kalau dalam persatuan bergaduh (bunyi berdehem) boria *tak* [tidak] bersatu. *La tak tau* [sekarang tidak tahu] lah *kut-kut* [mungkin] nak boleh *elok tak tau* [baik tidak tahu] lah. Jadi saya *tak* [tidak] suka benda macam *tu* [itu] lah. Bila nak jadi bergaduh-bergaduh saya *tak mau* [tidak mahu].

SMH : **Selain pakcik kan, ada *tak* [tidak] kumpulan boria yang lain yang dalam Pulau Pinang yang pakcik kenal?**

OMH : Ada. Banyak lah. Semua saya *kenai* [kenal]. Semua kira kawan-kawan lah *jugak* [juga]. Dan ada masa orang panggil saya main, saya main dengan kumpulan orang. (Bunyi batuk) orang panggil suruh tulis rangkap karangan saya tulis.

MAH : **Pada pendapat pakcik kan, boria *ni* [ini] pada hari ini dengan hari yang dulu apa beza dia? Macam mana pakcik nampak penerimaan (bunyi sudu bersentuhan dengan pinggan) boria itu sendiri dulu dengan sekarang?**

OMH : Saya nampak beza banyak. Sekarang *ni* [ini] boria dah diterima oleh masyarakat dan (bunyi kanak-kanak bermain) kalau ada pihak yang kata, remaja *tak* [tidak] suka boria saya *tak* [tidak] setuju. Saya nampak remaja suka boria (bunyi mesin)

saya *tengok* [lihat] bukti-bukti yang apa yang saya *tau* [tahu] kan. Ok. Jadi boria lah saya nampak dah diterima lah. *Tak* [tidak] semacam dulu, dulu saya ada *keluaq* [keluar] kenyataan kalau *tengok* [lihat] dalam akhbar dulu wartawan tanya saya kata, tajuk dia boria hampir pupus. Boria dah jadi macam dinasour hampir pupus, pupus terus akan jadi pupus terus. Tapi *la ni* [sekarang ini] kalau orang tanya saya kata *tak* [tidak]. Saya *tak* [tidak] boleh kata pupus dah. Boria lah tengah naik. Boria *time la* [masa sekarang] semakin naik. InshaAllah kalau berjaya ke *tv* [televisyen] (bunyi kanak-kanak menjerit) macam kita kata kalau hanya dikir barat *ja dok ambik* [sahaja sedang ambil] tempatkan kalau boria *pulak* [pula] dapat *ambik* [ambil] tempat. *Ha* [ya] dia mula lah. Dia mula naik lagi lah. Walaupun itu lah saya kata. Walaupun orang kata saya *tak* [tidak] perjuang, *biaq* [biar] lah saya pejuang dalam diam lah tapi saya tetap *bawak* [bawa] benda *ni* [ini] sampai ke peringkat boria ke peringkat orang panggil apa peringkat global lah kalau boleh.

MAH : **Pakcik tadi ada sebut pasal Jepun kan, pakcik ada *tak* [tidak] pelapis pakcik sendiri untuk generasi akan yang datang?**

OMH : Ada. *Pasai* [sebab] saya nampak *la* [sekarang] ramai remaja-remaja yang mana minat boria dan ada *jugak* [juga] yang rapat dengan saya. Ada setengah *depa* [mereka] main. Kita kata main boria, main. Yang *tu* [itu] biasa lah. Tapi ada yang macam *depa* [mereka] nak. Macam contoh seorang, dia jurulatih kebudayaan di Melaka, dulu dia di Pulau Pinang. Nama Wan. Dia *ni* [ini] kira, dia jadikan saya *ni* [ini] sebagai orang panggil idola dia lah sampai *la* [sekarang]

pun dia *dok* [masih] berhubung dengan saya Cik Omara *ni* [ini]. Jadi saya menghargai orang *tu* [itu] saya nak dia jadi pelapis (bunyi budak bersembang) macam Aida yang saya *dok* [selalu] sebut *ni* [ini]. Saya nak dia jadi pelapis *jugak* [juga]. Aida *ni* [ini] dia *umuq* [umur] *tiga puluh empat* [34] (bunyi kanak-kanak) jadi kita kira muda *jugak* [juga] lagi kan. Jadi mungkin, bila kami generasi yang *la ni pi* [sekarang ini pergi], (bunyi budak bersembang) kita nak orang-orang macam *ni* [ini] lah yang akan *bawak* [bawa] boria *nipi*[ini pergi] ketengah. Saya rasa ramai. Golongan-golongan pelapis *ni* [ini] ada cuma minat dengan *tak* [tidak] minat. Orang-orang di jabatan. Jabatan kebudayaan jabatan warisan, *depa mai* [mereka datang] pagi masuk pukui *lapan* [8] buat kerja *pasai* [sebab] apa *depa* [mereka] nak dapat gaji. Kita *tengok depa* [lihat mereka] buat benda seni kan tapi *depa* [mereka] nak dapat gaji. Jadi *depa tak* [mereka tidak] berasa, "Seni *ni* [ini] nak hilang, hilanglah. Boria nak naik, naik lah. Nak jadi apa? Aku buat kerja aku. Cukup bulan dapat gaji. Waktu petang aku angkat balik." Tapi kalau orang *tu* [itu] dia *mai* [datang] keja tapi dia *duk pikiaq*[sedang fikir]. "Aku sayang *ni* [ini] kalau aku *tak* [tidak] buat boria esok *ni* [ini] hilang di Pulau Pinang." Sambil dia bekerja dia dapat gaji tapi dia *jugak* [juga] berminat bersungguh-*tu* [itu]. *Ha* [ya], orang *tu* [itu] akan jadi lah. Tapi kita *tak* [tidak] boleh paksa lah. Minat orang masing-masing kan.Anak saya pun *tak* [tidak] boleh paksa kan. Kalau tidak orang kata, "*Awat* [kenapa] Omara *tak* [tidak] boleh bagi anak jadi macam *tu* [itu]."*Tak* [tidak] boleh sebab tiap-tiap orang dia ada minat dia sendiri.

**MAH : *Tu* [itu] pakcik kata macam mana pendapat pakcik sendiri kan macam mana kita kekalkan boria *ni* [ini] macam pakcik kata tadi kami macam *ni*[ini] balik macam mana kita nak terapkan anak didik remaja sekarang *ni*[ini] melalui boria dalam boria *ni* [ini]?**

OMH : *Satu* [1] — sebenarnya seni warisan boria *ni* [ini] kalau orang anggap seni untuk (bunyi batuk) seni kan. *Ha* [ya], dulu banyak orang buat macam *tu* [itu]. Dia besemangat dia buat kerja seni untuk seni. *Ha* [ya], dia buat dia berjaya, dia dapat semua. Tapi zaman *la* [sekarang] kita *tak* [tidak] boleh lari daripada duit kerana kita buat kerja apa kalau *bawak* [bawa] kereta pun *accident* [kemalangan] nak makan duit sebarang apa pun – nak berlatih boria pun, mesti *satgi lapaq* [sebentar lagi lapar] nak makan lagi duit lagi, nak *pi* [pergi] tambang untuk tempat *tu* [itu] duit. Jadi *la ni* [sekarang ini] kita *tak* [tidak] boleh _ kita *tak* [tidak] boleh kata, "Diri aku, aku sukarela lah." Jadi bukan berkira kan. Saya ingat zaman *la* [sekarang] nak cari sampai orang macam *tu* [itu] susah *jugak* [juga]. Jadi mana saya *pi* [pergi], soalan tadi apa dia?

**MAH : Kira soalan, macam mana nak kekalkan apa orang kata boria *tu* [itu] kat anak remaja sekarang?**

OMH : *Ha* [ya], jadi anak-anak remaja apa semua *tu* [itu] walaupun benda *ni* [ini] dia kena *pikiaq* [fikir] kan boria *jugak* [juga] boleh jadi bidang - benda yang orang kata menjana pendapatan lah. Maksudnya kita buat sesuatu walaupun orang kata ikhlas ka *tak* [tidak] ikhlas ka tapi di samping itu kita jadikan boria menjana pendapatan. Ok. Saya bagi contoh. Saya tulis *satu* [1] rangkap karangan boria,

kalau jabatan, jabatan warisan, jabatan kerajaan *bayaq* [bayar], *sepuluh* [10] rangkap (bunyi kerusi)*jadepa bayaq* [sahaja mereka bayar] saya *lima ratus* [500] ringgit. Lumayan kan, cukup *besaq* [banyak] kan, cukup *besaq* [banyak]. Bukan kerja teruk. *Tak* [tidak] payah berpanas berpeluh *tak* [tidak] payah. Saya dapat *limaratus* [500]. Kadang-kadang ada bagi *dua ratus* [200] kalau orang perseorangan, sekolah apa semua, saya *kesian* [kasihan] kat *depa* [mereka] bila cikgu *tu* [itu] tanya, "Berapa *ni* [ini] kalau *mintak* [minta] tolong tulis *ni* [ini]?" saya kata,"*seratusja*[100 sahaja]". Jadi *seratus* [100] ringgit. Saya terima. *Ha* [ya], tapi saya *tak* [tidak] terima tapi saya *tak* [tidak] terima bawah lagi (bunyi kerusi) tapi teruk *jugak* [juga] (bunyi kerusi). Walaupun saya kata saya boleh buat cepat *sepuluh* [10] minit pun, tapi saya nak cari benda *tu* [itu], susah nak perah otak kan. Jadi saya buat boria saya dapat duit. Itu saya kata tadi orang tanya saya kerja apa saya kata kerja saya boria. Bila kata kerja, ada duit. Jadi saya buat karangan boria saya dapat duit. Saya buat lagu. *La* [sekarang] saya jual lagu-lagu boria. Saya dengan kawan saya. Dia buat lagu. Orang bila nak lagu boria macam kalau cari, *search tu*[cari itu] ada apa pasal lagu boria kan. Jadi dapat *number* [nombor] telefon saya, orang telefon suruh buat. Saya dan kawan saya. Dia buat. Saya ada untung *jugak* [juga].

**SMH : Macam pakcik sebagai penguruskan, ada menguruskan sekali alat-alat muzik. Antara alat muzik yang pakcik guna *tu* [itu] apa dia dalam boria?**

OMH : Dalam boria - Dalam boria kita ada alat. *La ni* [sekarang ini] kita pakai *minutes one* [rakaman]. Kalau boria zaman dulu dia main ada alat muzik *betoi* [betul].

Dia ada harmonika, itu orang panggil bangsi. Dia ada ada yang main akordion. Marakas *tu* [itu], yang goncang *tu* [itu]. *Lepas tu* [selepas itu], biola pun ada. Biola pun ada dengan gendang, gendang panjang. Dulu, *depa* [mereka] main di pentas. Jadi ikut peredaran zaman *la ni* [sekarang ini], orang nak mudah. Berlatih pun mudah, *tak* [tidak] payah *ni* [ini]. *Ha* [ya], pakai *minutes one* [rakaman]. *Ha* [ya], berlatih boria, main boria, pakai *minutes one* [rakaman] Jadi *ha* [ya], amboi terlupa apa tanya?

SMH : **Alat muzik *tu* [itu], pakcik dulu pernah apa semua *tu* [itu] dulu. Semua benda *tu* [itu] dulu. Macam mana pakcik dapat duit tampung benda-benda nak beli *tu* [itu]?**

OMH : Dulu *tu* [itu] lah *tak* [tidak] banyak, dalam dulu peringkat beli, zaman dulu *ni* [ini] peringkat beli saya cuma ada harmonika murah ja. Saya yang main dulu harmonika *tu* [itu] _ _tanburi. Benda-benda yang kecil-kecilan *ja* [sahaja]. Jadi dulu memang lah ada orang yang ada duit sikit dia ada macam yang akordian *tu* [itu] yang tarik *tu* [itu] kan akordian. Dia ada *ni* [ini]. Jadi gabung-gabung yang *tu* [itu] main boria. Jadi macam saya, saya *ambik* [beli] alat yang murah. Saya pun *tak dak* [tiada] pendapatan masa *tu* [itu]. Saya ada harmonika. Beli berapa, berapa ringgit *ja*[sahaja].*Tak* [tidak] sampai *sepuluh* [10] ringgit *kot* [mungkin] dulu *tu* [itu]. Boleh main lagu dah.

MAH : **Pakcik, kira apa kata-kata terakhir pakcik mengenai boria *ni* [ini] secara keseluruhannya pakcik? Pandangan pakcik keseluruhan daripada segi dia**

**ditubuhkan, pakcik minat daripada dulu lepas tu [selepas itu] kata-kata pakcik yang kami boleh buat panduan untuk minat boria *ni* [ini]?**

OMH : Bagi saya kira rumusan lah *kot* [mungkin], saya dah sebut tapi saya sebut lagi sekali, bagi saya boria adalah seni warisan yang perlu dipertahankan dan perlu diperkembangan bukan sahaja di negeri Pulau Pinang, tapi kita *pi*[pergi] ke peringkat Malaysia dan ke peringkat global. Biar boria *nitak*[initidak] hilang, ada di persada dunia kira ada di mana-mana, kira orang *tau* [tahu] pasal boria. Jadi untuk mencapai yang *tu* [itu], saya nampak boria patut bermula di peringkat tadika lagi, pihak-pihak yang berkenaan yang berkuasa buatlah, tanamkanlah ilmu-ilmu boria atau mengajar boria ka apa, peringkat sekolah dah ada, Alhamdulillah, sekolah menengah ada. Yang peringkat kolej yang saya mengajar pun buat. Dulu *takdak* [tidak ada], *ni* [ini] kali pertama boria dah masuk ke kolej dah. *Satu*[1] benda pertama lah yang kita anggap *satu*[1] benda yang baiklah. Jadi boria dah jadi ilmu yang diterima di tempat-tempat institusi pelajaran. Jadi kalau macam *tu* [itu] saya nampak boria mempunyai masa depan yang cemerlang lah untuk boria terus hidup dan untuk memadamkan ayat-ayat yang dulu, saya juga pernah kata boria hampir pupus, untuk menutup balik ayat *tu* [itu] yang boria tidak akan putus kerana boria saya nampak boleh dilestarikan untuk setiap daripada generasi ke generasi. Apa yang saya nampak sekarang *ni*()[ini] boria *takkan* [tidak akan] hilang lah. Boria akan semakin berjaya.

**MAH : Pakcik rasa apa harapan pakcik terhadap boria *ni* [ini]? Soalan terakhir harapan pakcik kat boria *ni* [ini] mungkin dari segi boria *tu* [itu] sampai ke**

**luar negara?**

OMH : Harapan saya tadi boria *takkan* [tidak akan] hilang dalam dunia. Boria boleh diterima semua kerana boria dia boleh buat dia boleh sesuai dengan apa jua keadaan. Kalau *mai* [datang] keadaan ataupun peristiwa apa-apa jadi pun, mesej yang kita akan sampaikan kita boleh mengikut kisah *tu* [itu]. Jadi boria *ni* [ini] boleh dibentuk. Kerana boria sebuah teater *tau* [tahu] boria *ni* [ini] boleh dibentuk apa kehendak apa orang kata nak buat tentang budi bahasa, cerita budi bahasa.Orang nak kempen keselamatan jalan raya boria boleh jadi. Boria boleh masuk dimana-mana saja. Dia bukan *satu* [1] seni yang macam kata main macam *tu* [itu] lah. Boria irama dia boleh berubah, cerita dia dia boleh berubah. Sektsa dia boleh berubah. Jadi boria beruntung kalau bagi saya dalam semua seni apa semua jadi untung dalam boria lain daripada lain. Bukan kerana saya orang boria orang tanya tentang boria saya puji boria. Tapi bila kaji-kaji balik, sebenarnya boria istimewa. Dia boleh hidup dalam sesuai dalam suasana majlis apa-apa saja dia boleh. Orang kenduri kahwin kita main tentang kenduri kahwin meriah elok. (Bunyi kerusi) T*ak* [tidak] susah hati pun seronok semua. Cuma baru *nidepa*[ini mereka] suruh saya buat boria pasal *MH tiga tujuh kosong* [Syarikat Penerbangan Malaysia 370] saya kata *tak* [tidak] boleh. Boria *tak* [tidak] boleh sedih. Dulu memang boria berasal dari sedih, tapi *la* [sekarang] boria *tak* [tidak] boleh sedih. Macam mana kami nak menari dengan hilang pesawat *tu* [itu]. Dah lah hilang *tak* [tidak] dapat yang kita *dok* [sedang] menari pulak. *Tak* [tidak] boleh lah. (Bunyi ketawa)

**MAH : Saya rasa setakat itu saja temubual kami bersama pakcik. *Lepastu* [selepas itu], banyak maklumat yang pakcik berkongsi dengan kami daripada sejak mula boria ditubuhkan, pencapaian-pencapaian pakcik, halangan yang pakcik terpaksa hadapi. *Tu* [itu] kami ucapkan ribuan terima kasih kepada pakcik. Insyaallah apa yang pakcik berikan kepada kami itu akan kami lakukan yang terbaik.**

**TAMAT BAHAGIAN 3**

Terima kasih diucapkan kepada Encik Omar kerana sudi meluangkan masa bersama kami. Maka berakhirlah sesi temuramah bersama Encik Omar pada hari ini.

**Rujukan**

Boria: Hiburan, Propaganda Dalam Akhbar Utusan Malaysia Hari Ini 20 Oktober 2012. (n.d.). *Warisan Boria*. Retrieved June 10, 2014, from http://warisanboria.blogspot.com

Omar M. Hashim (Omara). (N.D.). *Omar M. Hashim (Omara)*. Retrieved June 10, 2014, from http://mamutanjung.blogspot.com/

# LAMPIRAN

# LOG
# WAWANCARA

**LOG WAWANCARA**

Muhamad Azri Hafizuddin dan Sarah Masmerah menemubual Encik Omar bin Md. Hashim yang dilahirkan pada tahun 1954 di Kampung Tok Panjang, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Temubual dijalankan di Medan Selera, Big AEON di Seberang Jaya, Pulau Pinang mengenai pengalaman beliau sebagai seorang penggiat boria dalam tahun 1994 hingga sekarang.

**BAHAGIAN A**

| MASA | PERKARA YANG DIBINCANGKAN | NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK |
|---|---|---|
| 01:22 | Latar belakang Tokoh | 1) Omar B Md Hashim<br>2) Bukit Mertajam, Seberang Prai<br>3) Parit Buntar, Perak |
| 04.03 | Cita-cita dan minat tentang boria | |
| 04.19 | Latar belakang pendidikan Tokoh | 1) Sekolah Kebangsaan Bagan Tuan Kechil, Butterworth<br>2) Sekolah Dato' Onn, Butterworth |
| 09.14 | Latar belakang keluarga Tokoh | 1) Md Hashim B Taib<br>2) Joriah Bt Shapie<br>3) Kampung Tok Panjang, Bukit Mertajam<br>4) Yusof B. Md Hashim<br>5) Azizah Bt Osman<br>6) Muhd Asyadi<br>7) Asnurrani<br>8) Nur Auni<br>9) Muhd Asymawi |
| 10.36 | Matlamat atau pegangan hidup Tokoh | 1) Hang Tuah |

**BAHAGIAN 2**

| MASA | PERKARA YANG DIBINCANGKAN | NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK |
|---|---|---|
| 13.53 | Latar belakang kerjaya Tokoh | 1) Jabatan Telekom Malaysia, Kuala Lumpur<br>2) Pulau Pinang |
| 15.11 | Langkah pertama melibatkan diri dalam boria | 1) Omara<br>2) Malaysia |
| 20.29 | Halangan dan dorongan | 1) Jabatan Kebudayaan Kesenian [JKKM] Pulau Pinang<br>2) Sabah<br>3) Sarawak<br>4) Aida Elias |
| 23.48 | Sejarah boria | 1) Pulau Pinang<br>2) Francis Light<br>3) China<br>4) India<br>5) Jawa<br>6) Parsi<br>7) Iran<br>8) Padang bandaran Butterworth<br>9) Padang Datuk Haji Ahmad Badawi |
| 24.38 | Artis yang terlibat | 1) Nassier Wahab<br>2) Hail Amir<br>3) Dato' Ahmad Daud<br>4) Ogy<br>5) Syafie Jaafar |
| 33.35 | Kebaikan dan keunikan seni boria | 1) Georgetown |

| | | |
|---|---|---|
| | | 2) Melaka<br>3) Dataran Merdeka, Kuala Lumpur<br>4) Omara<br>5) Aida Elias |
| 35.34 | Pemberi semangat buat Tokoh | 1) Kuala Lumpur<br>2) Omara |
| 39.31 | Album yang dihasilkan | 1) Untukmu Hijau Kuning<br>2) M Shariff<br>3) Piee<br>4) Maideen<br>5) Hijau Kuning Hari Raya<br>6) Amy Search |

**BAHAGIAN 3**

| MASA | PERKARA YANG DIBINCANGKAN | NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK |
|---|---|---|
| 47.11 | Pengalaman dan sumbangan | 1) Pulau Pinang<br>2) Mutiara FM<br>3) Omara<br>4) P Ramlee<br>5) Dataran Merdeka, Kuala Lumpur<br>6) Georgetown<br>7) Nasieer Wahab<br>8) Omar Hashim<br>9) Jabatan Pulau Pinang<br>10) Town Hall<br>11) Malaysia |
| 50.03 | Perkara yang diambilkira untuk | 1) Malaysia |

| | | |
|---|---|---|
| | menjayakan persembahan boria dan reaksi Tokoh | 2) Sabah<br>3) Sarawak<br>4) Pulau Pinang<br>5) Kelantan<br>6) Salam Pantai Timur<br>7) Kuala Lumpur<br>8) RTM |
| 57.17 | Pengalaman menulis rangkap boria dan persembahan | 1) Nibong Tebal<br>2) Kuala Lumpur<br>3) Abdullah Haji Ahmad Badawi<br>4) Omara<br>5) Pesta Pulau Pinang<br>6) Jepun<br>7) Malaysia |
| 01.05.09 | Artis tanah air yang dikenali apabila terlibat dalam dunia seni | 1) Piee<br>2) Chik, Pak Man Telo<br>3) Imuda<br>4) Datuk Sharifah Aini<br>5) Datuk Aziz Satar<br>6) Sarah<br>7) Kuala Lumpur<br>8) M. Shariff<br>9) Jins Samsudin<br>10) P Ramlee<br>11) Nasir P Ramlee<br>12) KRU<br>13) Ameng, Spring<br>14) Lan Typewriter<br>15) Salleh Yaakob<br>16) Ikram |

| | | |
|---|---|---|
| | | 17) Fizz Fairuz<br>18) Profesor Razak Mohaideen<br>19) Omara<br>20) Majid Salleh |
| 01.08.51 | Pengalaman dalam dunia perfileman | 1) Aida |
| 01.14.51 | Sumbangan dalam penulisan rangkap dan skrip | 1) RTM<br>2) Omara<br>3) Malaysia<br>4) Aida<br>5) KL |
| 01.18.44 | Pengalaman membuat di hadapan orang ramai | 1) MHI<br>2) Aziz Desa<br>3) KL<br>4) Dr Fadhilah Kamsah<br>5) Ghani Othman<br>6) Omara<br>7) Abu Bakar Kassim<br>8) Omar |

**BAHAGIAN 4**

| MASA | PERKARA YANG DIBINCANGKAN | NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK |
|---|---|---|
| 01.19.52 | Pencapaian dalam bidang seni boria | 1) Pulau Pinang<br>2) China<br>3) Riau, Indonesia |
| 01.20.53 | Persembahan akan datang | 1) Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara<br>2) Pulau Pinang<br>3) Padang Kota |
| 01.25.41 | Sekitar persembahan seni boria | 1) Seberang Jaya<br>2) Semilang |

| | | |
|---|---|---|
| | | 3) Jabatan Warisan Negara<br>4) Jepun<br>5) Hiroshima<br>6) Pahang<br>7) Kuantan<br>8) Malaysia<br>9) Johor<br>10) Kelantan |
| 01.29.39 | Pencapaian seni boria dibukukan | 1) RTM<br>2) Dewan Bahasa dan Pustaka<br>3) Malaysia<br>4) Bangi<br>5) UKM<br>6) Tanjung Malim<br>7) UPSI<br>8) Sarawak<br>9) UNIMAP<br>10) UNIMAS<br>11) UiTM<br>12) UUM<br>13) Kolej Komuniti Tasek Gelugor |
| 01.32.07 | Persatuan yang disertai oleh Tokoh | 1) PEMENANG<br>2) Omar Hashim |
| 01.39.04 | Penerimaan orang ramai terhadap boria | 1) Melaka<br>2) Wan<br>3) Omara<br>4) Aida |
| 01.43.05 | Kata terakhir Tokoh sebelum penutup | 1) Pulau Pinang |
| 01.43.31 | Ucapan terima kasih | |

# SENARAI SOALAN

## SENARAI SOALAN

### LATAR BELAKANG

1. Apakah nama penuh pakcik?
2. Berapakah umur pakcik sekarang?
3. Apakah nama panggilan yang biasa digunakan oleh keluarga pakcik untuk pakcik?
4. Bilakah pakcik dilahirkan?
5. Dimanakah tempat pakcik dilahirkan?
6. Pakcik berasal dari mana?
7. Pakcik menetap dimana sekarang?
8. Dimanakah pakcik memulakan awal persekolahan ?
9. Adakah pakcik meneruskan pengajian selepas itu?
10. Apakah pencapaian pakcik pada waktu itu?
11. Apakah cita-cita pakcik pada zaman itu ?
12. Mengapakah pakcik memilih kerjaya ini?
13. Siapakah nama penuh ayah pakcik?
14. Siapakah nama penuh ibu pakcik?
15. Apakah pekerjaan arwah ayah pakcik?
16. Apakah pekerjaan arwah ibu pakcik?
17. Berapakah bilangan adik-beradik pakcik?
18. Pakcik anak yang keberapa ?
19. Adakah adik beradik pakcik pakcik masih ada?
20. Dimanakah mereka sekarang?
21. Adakah adik-beradik pakcik juga terlibat dalam kegiatan seni di tanah air?
22. Apakah pekerjaan pakcik sekarang ?
23. Siapakah nama isteri pakcik?
24. Apakah pekerjaan isteri pakcik?
25. Bilakah pakcik berumah tangga?
26. Berapakah bilangan anak pakcik?
27. Berapakah bilangan anak lelaki dan berapakah bilangan anak perempuan yang pakcik ada?
28. Apakah nama mereka?

29. Adakah pakcik sudah mempunyai cucu?
30. Berapakah bilangan cucu pakcik?
31. Apakah hobi pakcik di masa lapang?
32. Apakah makanan kegemaran pakcik?
33. Apakah cita-cita pakcik pada masa kecil dahulu?
34. Apakah pengalaman manis pakcik pada masa kecil dahulu ?
35. Apakah pengalaman duka pakcik sepanjang begelar anak seni dalam dunia hiburan tanah air?
36. Adakah pakcik mempunyai sebarang matlamat dalam hidup pakcik?

**KERJAYA**

37. Jadi kita beralih ke topik yang lebih mendalam. Apakah pekerjaan pertama pakcik selepas tamat zaman persekolahan dan apakah pekerjaan pakcik sekarang?
38. Mengapakah pakcik lebih memilih untuk memartabatkan budaya dan kesenian ini?
39. Dari manakah datangnya minat dalam diri pakcik untuk terus memartabatkan aktiviti seni ini?
40. Apakah langkah pertama yang dibuat oleh pakcik semasa melibatkan diri dalam persembahan seni ini?
41. Siapakah antara yang menyokong pakcik sehingga ke hari ini?
42. Adakah mereka masih ada?
43. Bagaimanakah pakcik mula mengenali mereka?
44. Bilakah pakcik mula menyedari tentang minat pakcik dalam persembahan kesenian ini?
45. Bagaimanakah cara mereka mendorong pakcik untuk terus memajukan persembahan kesenian ini?
46. Apakah halangan yang pakcik terpaksa tempuhi untuk terus terlibat dalam aktiviti kesenian ini?
47. Berapa lamakah pakcik mula menggiatkan diri dalam aktiviti seni ini?
48. Siapakah yang menjadi pencetus/pendorong untuk pakcik meneruskan kegiatan ini?
49. Bilakah boria ini mula terkenal di Pulau Pinang?

50. Siapakah yang memperkenalkan boria ini kepada pakcik?
51. Adakah setiap persembahan boria ini mempunyai tema tersendiri sebelum dipentaskan?
52. Berapa ramaikah yang diperlukan untuk menjayakan boria ini?
53. Siapakah antara artis tanah air yang pernah menjayakan boria ini?
54. Adakah setiap persembahan boria itu memberi manfaat kepada penonton?
55. Bagaimanakah pakcik menarik minat orang ramai untuk menonton persembahan boria ini?
56. Apakah keunikan yang ada dalam persembahan boria ini?
57. Berapakah harga bayaran yang dikenakan oleh pakcik untuk setiap persembahan?
58. Dimanakah selalunya pakcik membuat persembahan boria ini?
59. Adakah pakcik pernah menyertai persembahan boria itu sendiri?
60. Bagaimanakah pakcik mula berminat untuk menyertai atau menguruskan boria ini?
61. Apakah yang mendorong pakcik untuk terus menjayakan kegiatan ini?
62. Adakah ibubapa pakcik antara pendorong untuk pakcik meneruskan kegiatan ini?
63. Pernahkah pakcik menerima apa-apa tentangan atau penghalang dalam kegiatan ini?

**PENGALAMAN DAN SUMBANGAN**

64. Jika dilihat pakcik mempunyai banyak pengalaman dalam menguruskan persembahan boria. Bolehkah pakcik ceritakan pengalaman suka duka sepanjang aktiviti menguruskan persembahan?
65. Apakah pengalaman yang tidak pernah dilupakan oleh pakcik sehingga kehari ini?
66. Semasa menjayakan persembahan boria apakah perkara yang amat dititikberatkan oleh pakcik untuk kepuasan hati penonton?
67. Pernahkah pakcik mendengar kenyataan dari orang ramai yang berkata persembahan boria hanya untuk orang Penang?
68. Apakah reaksi pakcik terhadap kenyataan itu?
69. Adakah boria membuatkan Pulau Pinang terkenal di Malaysia?
70. Seperti yang kita tahu persembahan boria semakin dilupakan di Pulau Pinang, apakah perasaan pakcik sebagai seorang penggiat boria sejak dahulu?
71. Adakah setiap rangkap dalam persembahan boria ditulis oleh pakcik?

72. Adakah setiap rangkap merangkumi isu-isu semasa ataupun hanya lawak jenaka?
73. Bagaimanakah rangkap untuk persembahan boria itu dilakukan?
74. Berapa ramai orang yang terlibat dalam menulis rangkap boria itu?
75. Adakah setiap rangkap yang dicipta memerlukan masa yang agak lama untuk disiapkan?
76. Berapa kerap kalikah persiapan dilakukan sebelum pementasan?
77. Apakah pengalaman pahit sepanjang pakcik menjayakan persembahan boria ini?
78. Adakah generasi sekarang masih berminat untuk menjayakan persembahan ini?
79. Selain daripada menjayakan persembahan boria ini apakah yang pakcik lakukan ?
80. Siapakah antara pelakon veteran yang sangat rapat dengan pakcik?
81. Adakah pakcik juga pernah berlakon dalam telemovie atau drama di Malaysia?
82. Apakah pengalaman pakcik sepanjang terlibat dalam dunia perfileman ?
83. Pernahkah pakcik ditipu oleh mereka yang tidak mahu bertanggungjawab selepas persembahan berlangsung?
84. Adakah itu salah satu cabaran yang pakcik terpaksa tempuh sepanjang persembahan kesenian ini?
85. Adakah bayaran persembahan telah ditetapkan oleh pihak pakcik sendiri ?

**PENCAPAIAN**

86. Adakah pakcik pernah menyertai persembahan boria ini diluar negeri/Negara?
87. Sehingga ke hari ini, berapakah jumlah persembahan yang telah pakcik uruskan?
88. Adakah pasukan pakcik pernah memenangi mana-mana pertandingan yang disertai?
89. Selain pertandingan, adakah pakcik pernah menyertai aktiviti sukarela untuk persatuan di Negara kita untuk mendapatkan dana buat mereka?
90. Dimanakah pakcik pernah mengadakan pesembahan ini?
91. Selain menguruskan pasukan boria, adakah pencapaian lain yang pernah dicapai pakcik sepanjang menjadi pengurus?
92. Adakah pakcik pernah menerima undangan untuk membuat persembahan luar daripada penang?
93. Adakah pakcik pernah mengatur persembahan untuk orang kenamaan?

94. Berapa kerap pakcik menguruskan persembahan untuk pelancong luar yang datang ke Pulau Pinang?
95. Apakah reaksi penonton luar apabila melihat persembahan boria ini?
96. Adakah persembahan ini dijadikan warisan dan sejarah kepada rakyat Malaysia?
97. Pernahkah persembahan ini dibukukan oleh pihak yang berwajib sebagai salah satu warisan dunia?
98. Adakah siaran televisyen pernah membuat liputan atau dokumentari tentang persembahan kesenian ini?
99. Selain daripada itu, adakah penyelidik pernah menyelidik tentang warisan kesenian ini?

# SURAT PERJANJIAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Machang, Kelantan

**PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN**

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan En Omar B. Md. Hashim .................. Pada 14/04/2012 ..................

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
   Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari .................. (tarikh). Dipersetujui pada .................. oleh kedua pihak yang bertanaan.

Pengkisah (Tokoh)

Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

# GAMBAR

**GAMBAR**



Gambar1 : Sesi Pengambaran Bersama Tokoh



Utusan Malaysia

# Pernah diharam selama 10 tahun

SENI boria yang diperkenalkan pedagang India di Pulau Pinang pernah melalui detik suram apabila diharamkan selama 10 tahun.

Pengharaman yang hampir melenyapkan seni hiburan itu berlaku bagi mengelak kekacauan dan pertumpahan darah lebih serius.

Penggiat boria, Omar Hashim, 56, berkata, berdasarkan cerita orang-orang lama, pengharaman itu berlaku sekitar tahun 1930-an oleh lima orang ulama berpengaruh di Pulau Pinang.

"Kejadian itu (diharamkan) merupakan titik hitam dalam perkembangan boria di negeri ini. Ia berlaku ekoran pergaduhan serius di kalangan peminat boria sehingga mengakibatkan kematian.

"Ketika itu terdapat lebih 80 kumpulan boria yang aktif membuat persembahan di Padang Tambun iaitu berdekatan dengan tapak Stadium Bandaraya, Georgetown sekarang.

"Disebabkan boria mendapat sambutan ketika itu, banyak pihak yang berminat untuk mendekatkan diri malah ada kumpulan kongsi gelap yang cuba menguasai kumpulan boria," ceritanya.

Beliau yang lebih dikenali sebagai Pak Omara menambah, kumpulan-kumpulan kongsi gelap menyusup masuk ke dalam aktiviti boria dengan membiayai perbelanjaan kumpulan-kumpulan terpilih ketika itu.

"Dua kumpulan kongsi gelap ialah Bendera Merah dan Bendera Putih yang menggunakan boria sebagai platform untuk mengukuhkan kedudukan masing-masing.

"Kumpulan kongsi gelap itu menggunakan boria untuk menyerang lawan mereka ketika persembahan berlangsung.

"Ketika membuat persembahan, nyanyian atau skesta yang disampaikan menjurus kepada sindiran dan kecaman terhadap pihak satu lagi. Lebih memburukkan keadaan, pihak yang dihentam juga berada di situ menyaksikan persembahan berkenaan," katanya.

Omar berkata, mereka kemudian akan membalas serangan itu ketika tiba giliran membuat persembahan dan akan membalas semula segala nyanyian, tarian, skesta yang mengkritik mereka yang disampaikan sebelum itu dan keadaan memang cukup tegang.

Disebabkan tidak dapat mengawal emosi, pergaduhan tercetus selepas habis persembahan yang mengakibatkan kematian.

Akhirnya, pihak polis terpaksa membuat kawalan kerana bimbang kekacauan yang tercetus akan mengorbankan banyak nyawa.

Menurut Omar, penggiat boria yang terlibat dalam sejarah hitam itu juga menyimpan senjata yang mereka gunakan dalam alatan muzik boria.

"Salah satu alat muzik ialah gendang pandang yang digunakan untuk menyembunyikan senjata ketika mereka bertempur selepas habis persembahan," katanya.

Ketika ditanya, jumlah sebenar mereka yang terkorban, Omar berkata, beliau tidak mempunyai maklumat lanjut tetapi yakin perkara itu berlaku kerana ia diceritakan secara turun temurun.

Menurutnya, pada masa sama timbul beberapa masalah lain iaitu rungutan masyarakat dan ahli keluarga penggiat boria sendiri terhadap sikap penggiat boria.

"Mereka didapati terlalu taksub dengan seni itu malah ada yang tidak bekerja dan hanya pentingkan boria sehingga melupakan tanggungjawab lain.

"Kemuncaknya ialah apabila lima orang ulama terkenal di Pulau Pinang mengeluarkan fatwa mengharamkan aktiviti boria kerana didapati penggiatnya mula menunjukkan sifat yang tidak baik.

"Mereka didapati leka dengan boria sehingga tidak bekerja dan mengenepikan amalan-amalan lain," katanya.

Menurutnya, pengharaman itu berlarutan lebih 10 tahun dan peminat seni boria terpaksa bangkit perlahan-lahan untuk mendapatkan semula tempat dan sanjungan dalam masyarakat.

PETUGAS menyiapkan pentas bagi persembahan boria di Padang Tambun pada 1960-an.

Gambar2 : Pakcik Omara Ditemubual Oleh Wartawan Utusan  Malaysia




Gambar3: Poster Persembahan Boria Menggunakan *Projection Mapping*



BH 3 FEBRUARI 2014 ISNIN

# Boria mengkritik sambil menghibur

» Catat sejarah hitam pengharaman, sebelum tampil dengan nafas baru

**Kumpulan Boria Omara** bersama pengasasnya, Omar Md Hashim (bertopi).
[FOTO KAMARULZAMAN ARIFFIN/BH]

"Ia berkembang menjadi medium kritik sosial yang bukan saja diterima dengan meluas oleh masyarakat berbilang kaum di negara ini, bahkan digemari kerana disampaikan dengan ceria sambil bergelak ketawa," katanya.

...an melihat penerimaan masyarakat dengan seni warisan yang bertapak di Pulau Pinang itu.

Apatah lagi pengenalan kumpulan boria di hampir setiap sekolah di negara ini dan penyertaan golongan muda dalam Boria Omara yang diasaskannya, memberi semangat untuk

Gambar4: Kumpulan Boria Omara Dipaparkan Di Berita Harian



Gambar5: Beberapa Ahli Kumpulan Boria Omara



Selasa 25 Disember 2012 sinarharian

FOKUS TANJUNG

# Pesta Pulau Pinang tanpa boria

*Penggiat seni kecewa boria tidak lagi dipilih sebagai aktiviti pentas di pesta itu*

SUNGAI NIBONG

OMARA

TAPAK PESTA

Tapak Pesta Pulau Pinang kali ini didakwa tidak menyediakan persembahan boria.

Gambar6: Petikan akhbar fokus tanjung mengenai boria

# INDEKS

**INDEKS**

**A**

ahli, 26, 65, 74
akhbar, 46, 77
aktif, 2, 9, 11, 14, 26, 29
album, 29, 31
artis, 11, 17, 20, 46, 48, 54
arwah, 13, 46, 48

**B**

bandar, 25, 35
bangun, 32
bangunan, 35
belajar, 7, 40, 69, 74
bendera, 35
berani, 51, 60, 71
berjaya, 2, 3, 9, 11, 17, 23, 28, 31, 33, 37, 69, 77, 79, 83
berkenaan, 19, 40, 46, 55, 83
berlakon, 2, 17, 26, 35, 41, 45, 49, 51, 60, 70
bidang, 2, 6, 7, 8, 12, 13, 14, 17, 28, 50, 64, 80
*blog*, 8, 22, 35, 46
buktikan, 14, 38
Butterworth, 4, 19

C

campur, 13
cepat, 29, 33, 40, 81
cerita, 6, 19, 21, 23, 26, 31, 33, 34, 41, 49, 51, 53, 54, 57, 60, 84
Cerita, 2, 54
contoh, 9, 20, 23, 27, 46, 48, 56, 59, 68, 74, 78, 80
cukup, 7, 11, 48, 73, 81

**D**

dadah, 21, 38, 40, 56

dengar, 23, 38, 44, 57

diam, 28, 41, 77

dikir, 23, 38, 45, 71, 74, 77

dipilih, 35, 38

dorongan, 13, 17, 28

drama, 17, 50, 51, 52, 54

**F**

*Facebook*, 8, 22, 28, 46

fakta, 8, 29, 57

**G**

gelar, 6, 13

gembira, 23

generasi, 5, 78, 83

guna, 22, 35, 81

**H**

hafal, 51

halangan, 14, 28, 33, 85

hantar, 13, 40

harga, 25

hiburan, 46

**I**

iklan, 60

Institut, 7

Isu, 59

J

jadi, 2, 5, 8, 11, 12, 13, 14, 17, 19, 20, 21, 22, 23, 27, 28, 29, 34, 35, 37, 38, 40, 41, 44, 46, 48, 52, 53, 54, 55, 56, 59, 60, 67, 69, 70, 71, 74, 76, 77, 78, 80, 83, 84

jalan, 11, 14, 23, 35, 41, 73, 84

jalanan, 25

jenaka, 44

K

kaca, 60

kahwin, 5, 6, 26, 54, 84

karut, 23

kata, 2, 3, 6, 8, 9, 11, 13, 14, 17, 18, 19, 21, 22, 23, 26, 27, 28, 31, 32, 33, 34, 35, 38, 40, 41, 44, 45, 46, 48, 51, 53, 54, 55, 57, 59, 60, 64, 65, 66, 67, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 77, 78, 79, 80, 83, 84

kawan, 2, 3, 14, 17, 23, 31, 33, 38, 41, 45, 46, 49, 51, 60, 76, 81

kedai, 14, 46

kelainan, 23

keluar, 8, 29, 31, 41, 50, 52, 54, 57, 60, 67, 69, 71, 74, 77

keluaran, 46

kerana, 2, 9, 13, 14, 17, 18, 21, 28, 29, 31, 33, 34, 35, 38, 40, 46, 51, 53, 54, 57, 64, 71, 74, 79, 83, 84

kesan, 23

KL, 25, 28, 38, 40, 59, 60, 71

kos, 52

kumpulan, 2, 3, 20, 25, 26, 38, 45, 48, 53, 57, 60, 65, 74, 76

L

lagu, 13, 23, 27, 29, 31, 35, 37, 51, 53, 57, 69, 81, 82

lama, 2, 18, 20, 40, 41, 46, 48, 50, 51, 54, 57, 60, 74

laman, 8, 14, 22, 28, 31, 35, 46, 49

lambai, 69
lawak, 23, 37, 41, 44, 54
lebih, 11, 14, 18, 20, 23, 25, 34, 35, 38, 48, 51, 69, 71
lisan, 23
lulus, 74
lupa, 49, 51, 65, 69

**M**

main, 2, 3, 7, 13, 19, 25, 26, 35, 41, 45, 50, 53, 54, 57, 65, 69, 70, 73, 76, 78, 82, 84
Majalah, 46
majlis, 19, 25, 34, 40, 84
maksud, 3, 41, 45
Malaysia, 11, 13, 20, 33, 35, 38, 41, 45, 46, 48, 51, 54, 55, 56, 60, 70, 71, 73, 74, 83, 84
masalah, 33, 76
masyarakat, 14, 19, 21, 59, 77
matlamat, 9
menang, 3, 57, 60, 66
menonton, 8, 22, 35, 48, 57, 65
menyanyi, 21, 23, 44
mesej, 21, 23, 84
minat, 2, 3, 7, 12, 13, 19, 22, 46, 70, 78, 83
muzik, 1, 3, 6, 20, 23, 45, 49, 73, 81, 82

**N**

nampak, 7, 13, 14, 20, 21, 23, 28, 34, 35, 38, 51, 53, 54, 60, 67, 74, 77, 78, 83
negara, 14, 64, 84
negeri, 64, 67, 83

**O**

Omara, 1, 13, 26, 28, 34, 35, 40, 51, 55, 60, 74, 78
Orang, 5, 23, 28, 33, 34, 41, 46, 48, 57, 60, 65, 68, 76, 79, 81, 84

**P**

pakcik, 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 11, 12, 13, 14, 17, 18, 19, 21, 22, 23, 25, 26, 27, 28, 29, 31, 32, 33, 35, 37, 38, 40, 43, 45, 46, 48, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 59, 60, 64, 65, 66, 67, 68, 70, 71, 72, 74, 76, 77, 78, 79, 81, 82, 83, 84, 85

panggil, 5, 19, 23, 35, 37, 41, 44, 46, 48, 60, 65, 67, 74, 76, 77, 78, 82

panjang, 40, 51, 82

pelancong, 41, 68, 69

pelawak, 6, 20, 45, 46

Penang, 2, 38, 74

penasihat, 21, 41, 60

pencapaian, 1, 3, 64, 67, 85

pengalaman, 1, 25, 33, 35

penonton, 21, 60, 70

pentas, 25, 41, 60, 66, 70, 82

penuh, 1, 29, 65

peringkat, 3, 11, 14, 34, 57, 60, 67, 71, 74, 77, 82, 83

perjalanan, 40, 57

pernah, 2, 13, 28, 29, 32, 35, 40, 41, 45, 51, 52, 53, 57, 64, 65, 66, 67, 82, 83

persembahan, 2, 11, 19, 21, 22, 23, 25, 26, 27, 33, 35, 37, 41, 49, 53, 54, 57, 60, 64, 65, 66, 68, 70, 71, 74

puji, 2, 13, 14, 28, 33, 38, 41, 84

Pulau Pinang, 2, 3, 11, 14, 18, 19, 34, 35, 38, 41, 64, 65, 68, 74, 76, 78, 83

punca, 3, 60

**R**

radio, 13, 34, 49, 57, 59

rakaman, 29, 38, 55, 59, 60, 82

rakan, 22, 44, 45

rancangan, 49, 60

rangkap, 2, 19, 23, 27, 37, 40, 44, 55, 56, 59, 76, 80

remaja, 3, 9, 13, 26, 35, 60, 77, 78, 79, 80

S

sama, 1, 5, 6, 8, 14, 18, 23, 25, 26, 27, 44, 45, 56, 65, 67
sambutan, 40, 70
sebenarnya, 11, 13, 14, 17, 23, 31, 33, 35, 40, 46, 50, 51, 53, 54, 60, 71, 74, 76, 79, 84
sedar, 14, 29
sedikit, 6, 33
sekolah, 2, 3, 4, 12, 38, 56, 67, 81, 83
seronok, 3, 23, 28, 35, 69, 73, 74, 84
siap, 40, 41, 54, 57
sketsa, 2, 17, 20, 21, 23, 26, 35, 37, 41, 44, 60, 66
skrip, 35, 46, 50, 51, 55
sokongan, 12, 13, 28
susun, 2, 29, 35, 37

T

talian, 8, 22, 28, 35, 46
tarian, 20, 23, 43, 44
tarikh, 1, 65
telefon, 11, 34, 40, 71, 73, 81
tema, 19, 21, 38, 40, 41, 56
tempat, 2, 13, 14, 25, 26, 27, 41, 44, 46, 65, 77, 79, 83
temuramah, 60, 71
terang, 13, 14, 17
terlampau, 11, 35
terlibat, 8, 9, 14, 21, 26, 29, 49, 50, 54, 66, 71
tertentu, 7, 41
tertinggi, 11, 31, 74
teruk, 11, 31, 60, 74, 81
tetap, 9, 11, 17, 23, 25, 38, 44, 71, 77

Tukang, 23
tv, 8, 13, 17, 26, 38, 48, 50, 60, 67, 71, 77

**W**

waktu, 8, 14, 59
wartawan, 46, 48, 77
web, 49
wujud, 26

**Z**

Zaman, 8, 9, 31